

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**  
(Nombor Pendaftaran :1912, Tarikh Pendaftaran 23 April 1953)

**UNDANG-UNDANG KECIL**  
**&**  
**ATURAN-ATURAN KOPERASI**

<b>Tarikh Pendaftaran Pindaan Undang-Undang Kecil</b>	<b>30 Ogos 2010</b>
<b>Tarikh Pendaftaran Pindaan Aturan-Aturan Koperasi</b>	<b>8 September 2014</b>
<b>Tarikh Mesyuarat Agung</b>	<b>27 Jun 2015</b>

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN 1  
PERMULAAN**

Undang-undang Kecil	Muka surat
1. Tajuk dan mula berkuatkuasa.	1
2. Tafsiran.	1
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.	5

**BAHAGIAN II  
NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

4. Nama.	6
5. Alamat.	6
6. Kawasan operasi.	6

**BAHAGIAN III  
MATLAMAT, TUJUAN DAN AKTIVITI**

7. Matlamat.	6
8. Fungsi.	6
9. Aktiviti-aktiviti.	7

**BAHAGIAN IV  
KEANGGOTAAN**

10. Anggota.	9
11. Kelayakan menjadi anggota.	9

12.	Permohonan menjadi anggota.	9
13.	Fi masuk.	10
14.	Ikrar anggota.	10
15.	Penerimaan menjadi anggota.	10
16.	Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.	11
17.	Pemberian Undang-undang Kecil.	11
18.	Penama.	11
19.	Liabiliti anggota.	11
20.	Hilang kelayakan sebagai anggota.	12
21.	Terhenti menjadi anggota.	12
22.	Menarik diri.	13
23.	Penggantungan dan pembuangan anggota.	13
24.	Penyelesaian wang anggota.	15

**BAHAGIAN V**  
**ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

25.	Mesyuarat agung.	15
26.	Mesyuarat agung tahunan.	16
27.	Mesyuarat agung khas.	16
28.	Notis mesyuarat agung.	16
29.	Kuorum mesyuarat agung.	17
30.	Undi mesyuarat agung.	18
31.	Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung khas.	18
32.	Fungsi mesyuarat agung.	19
33.	Pengerusi mesyuarat agung.	21
34.	Lembaga Koperasi.	21
35.	Kelayakan menjadi anggota Lembaga.	21
36.	Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.	22
37.	Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga.	22
38.	Penamatan perlantikan anggota Lembaga.	24
39.	Mesyuarat anggota Lembaga.	25

40.	Kuorum mesyuarat Lembaga.	26
41.	Urusan mesyuarat Lembaga.	26
42.	Undi anggota Lembaga.	27
43.	Buku minit mesyuarat Lembaga.	27
44.	Kuasa dan kewajipan Lembaga.	28
45.	Liabiliti anggota Lembaga.	31
46.	Tugas pengerusi.	31
47.	Tugas setiausaha.	32
48.	Tugas bendahari.	33
49.	Jawatankuasa Audit Dalaman.	34
50.	Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.	34
51.	Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.	35
52.	Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.	35

## **BAHAGIAN VI**

### **ASET DAN WANG KOPERASI**

53.	Wang dan kumpulan wang Koperasi.	36
54.	Modal syer.	37
55.	Pindahan syer.	37
56.	Penyelesaian modal syer.	37
57.	Yuran.	38
58.	Keuntungan modal.	38
59.	Penerbitan syer bonus.	38
60.	Kumpulan Wang Rizab Statutori.	39
61.	Simpanan khas.	40
62.	Pinjaman luar dan deposit.	40
63.	Pelaburan wang.	41
64.	Pembiayaan Islam atau kemudahan kredit oleh Koperasi.	41
65.	Pengagihan untung bersih teraudit.	41
66.	Dividen dan potongan langganan.	42

**BAHAGIAN VII  
AKAUN DAN AUDIT**

67.	Tahun kewangan.	43
68.	Penyenggaraan akaun.	43
69.	Resit-resit dan baucar.	44
70.	Pelantikan dan kewajipan juruaudit.	45
71.	Penyerahan buku dan dokumen untuk audit.	45
72.	Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota.	45

**BAHAGIAN VIII  
PELBAGAI**

73.	Jualan.	46
74.	Akaun Bank.	46
75.	Mohor Koperasi.	46
76.	Pertukaran alamat anggota.	46
77.	Penyediaan dokumen untuk diperiksa.	47
78.	Penyerahan tugas.	47
79.	Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.	47
80.	Pelantikan Yang Dipertua.	48
81.	Pertikaian.	48
82.	Pemeliharaan kerahsiaan	48
83.	Pembubaran.	49
84.	Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil.	49
85.	Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota.	49

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Tajuk dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil **Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

**Tafsiran**

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**arahan**” ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**aturan-aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh

Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

“**dividen**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer dan modal yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

“**garis panduan**” ertinya garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**honorarium**” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**kawasan operasi**” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya menurut Peraturan;

“**kesalahan boleh daftar**” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan Orang-orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“**Koperasi**” atau “**Koperasi ini**” ertinya **Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad**;

“**kuasa melantik**” ertinya anggota Lembaga atau mana-mana pihak yang diberikuasa untuk melantik seseorang atau sesuatu firma hendaklah juga mempunyai kuasa untuk memecat dan menamatkan pelantikan;

“**kuasa memilih**” ertinya mesyuarat agung atau mana-mana pihak yang diberikuasa untuk memilih seseorang atau sesuatu firma hendaklah juga mempunyai kuasa untuk memecat dan menamatkan pemilihan;

“**Lembaga**” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-hwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Menteri**” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**pegawai**” berhubung dengan koperasi ertinya seorang pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberikuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**pelantikan**” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Pengerusi Eksekutif**” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Peraturan**” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**potongan langganan**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“prinsip koperasi”** termasuklah —

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“pulangan”** termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“sabitan”** termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“simpanan khas”** ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“subsidiari”** ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“syer”** ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Tribunal Koperasi”** ertinya Tribunal Koperasi yang ditubuhkan menurut seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

**“Undang-undang Kecil”** ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“wang berlebihan”** ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“yuran”** ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

### **Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan**

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan-perubahan

nahu dan perbahasan-perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

## **BAHAGIAN II**

### **NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

#### **Nama**

**4.** Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.**

#### **Alamat**

**5.** (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah **No.2, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak, 05200 Alor Star, Kedah Darul Aman.**

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

#### **Kawasan operasi**

**6.** Kawasan operasi Koperasi ini ialah **seluruh Negeri Kedah kecuali Daerah Bandar Baharu.**

## **BAHAGIAN III**

### **MATLAMAT, TUJUAN DAN AKTIVITI**

#### **Matlamat**

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

### **Fungsi**

8. Fungsi utama Koperasi ini ialah **kredit**.

### **Aktiviti**

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khususnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) menyediakan kemudahan kewangan, pembiayaan Islam dan kredit kepada anggota;
- (b) menjalankan aktiviti pengguna dan pengedaran barangan pengguna;
- (c) mengadakan perusahaan dan perdagangan termasuk aktiviti eksport dan import;
- (d) memperolehi tanah untuk dimajukan atau memiliki tanah dan bangunan atau rumah-rumah kediaman untuk anggota atau membeli rumah-rumah dan tanah-tanah tapak rumah serta menjual, menyewa, memajak, mencagar, memindah tanah dan rumah-rumah itu kepada anggota;
- (e) memperolehi tanah untuk dibuka dan dimajukan bagi maksud perindustrian, perumahan dan perladangan;
- (f) menjalankan aktiviti kebajikan anggota, pendidikan dan perniagaan;
- (g) menjalankan pengilangan dan perindustrian;
- (h) menjalankan aktiviti pajakgadai secara Islam;
- (i) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (j) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;

- (k) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (l) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain; dan
- (m) mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan kelulusan mesyuarat agung.

(2) Bagi menjayakan aktiviti di bawah fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan —

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
- (b) deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subsekyen 52(2) dan seksyen 52A Akta.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti yang disebutkan menurut fasal (1) itu, Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung itu.

(4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pinjaman menurut Peraturan, Lembaga hendaklah —

- (a) menyediakan suratcara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma dan syarat-syarat bagi skim tersebut;
- (b) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan
- (c) mengemukakan satu salinan suratcara yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung itu.

(5) Walau apa pun peruntukan Undang-undang Kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

## **BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN**

### **Anggota**

**10.** Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran Koperasi.

### **Kelayakan menjadi anggota**

**11. (1)** Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada **orang yang bekerja sebagai pegawai kerajaan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun Kerajaan, anak syarikat Kerajaan dan syarikat milik penuh Kerajaan yang diswastakan, yang berjawatan tetap.**

(2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah —

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
- (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar atau tidak upaya dari segi mental atau seorang bankrap yang belum dilepaskan.

## **Permohonan menjadi anggota**

**12.** Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha koperasi atau pegawai koperasi yang dipertanggungjawabkan.

## **Fi masuk**

**13.** (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak **RM25.00 (Ringgit: dua puluh lima)**. Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak **RM50.00 (Ringgit: lima puluh)**.

(3) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

## **Ikrar anggota**

**14.** (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangani suatu ikrar bahawa dia —

(a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada dan apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang kecil dan aturan-aturan aktiviti;

(b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan

(d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

### **Penerimaan menjadi anggota**

**15.** Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

### **Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota**

**16.** Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran **RM10.00 (Ringgit: sepuluh)** syer dan menjelaskan yuran iaitu setelah Koperasi menerima potongan gaji pertama daripada majikan, boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

### **Pemberian Undang-undang Kecil**

**17.** Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskhah Undang-undang Kecil ini. Naskhah tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak RM20.00 (Ringgit: dua puluh) tiap-tiap satu.

### **Penama**

**18.** (1) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati, wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam.

(2) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama.

(3) Anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.

(4) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi.

### **Liabiliti anggota**

**19.** (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer dan yuran yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.

(4) Harta pusaka yang dimaksudkan di fasal (3) adalah syer dan yuran dalam Koperasi ini.

### **Hilang kelayakan sebagai anggota**

**20.** Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia —

(a) tidak upaya dari segi mental;

(b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(c) seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;

(d) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu; atau

(e) dilucutkan kewarganegaraan.

### **Terhenti menjadi anggota**

**21.** (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

(a) mati;

(b) menarik diri di bawah Undang-undang Kecil 22; atau

(c) dibuang di bawah Undang-undang Kecil 23.

(2) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang —

(a) didapati membuat ikrar palsu di bawah Undang-undang Kecil 14;

(b) hilang kelayakan sebagai anggota di bawah Undang-undang Kecil 20;

(c) terhenti keanggotaannya di bawah perenggan (c) fasal (1);

(d) gagal menjelaskan syer minimum mengikut Undang-undang Kecil 54.

(e) gagal menjelaskan yuran bulanan selama tiga bulan berturut-turut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga; atau

(f) gagal menjelaskan bayaran balik pembiayaan selama tiga bulan berturut-turut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga.

### **Menarik diri**

**22.** (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

### **Penggantungan dan pembuangan anggota**

**23.** (1) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung keanggotaannya jika didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut :

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Sebelum mengesahkan atau menyetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir membuat keputusan membuangnya.

(5) Sekiranya anggota berkenaan tidak menghadirkan diri dalam mesyuarat agung atau menghadiri mesyuarat agung tetapi tidak membuat pembelaan diri, anggota

berkenaan dianggap bersetuju dengan penggantungan itu dan penggantungan itu dianggap sah.

(6) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung.

### **Penyelesaian wang anggota**

**24.** (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut Undang-undang Kecil 21, semua wang kepunyaannya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah —

- (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
- (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;
- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Kecil 57 dan 58.

## **BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

### **Mesyuarat agung**

**25.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak pada mesyuarat agung, menurut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas.

### **Mesyuarat agung tahunan**

**26.** Mesyuarat agung tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

### **Mesyuarat agung khas**

**27.** (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus anggota mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung khas, mengikut cara dan pada masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh

menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung yang dipanggil di bawah Akta atau Undang-undang Kecil ini.

### **Notis mesyuarat agung**

**28.** (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung hendaklah diberi kepada anggota dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung tahunan hendaklah disertakan —

(a) akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;

(b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;

(c) laporan Lembaga;

(d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan

(e) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

(3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

### **Kuorum mesyuarat agung**

**29.** (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung kerana meminda Undang-undang Kecil ini menurut Peraturan, hendaklah dua pertiga dari jumlah anggota, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi sesuatu mesyuarat agung khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 27 yang ditunda —

(a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga; dan

(b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir dan layak mengundi menurut Peraturan.

### **Undi mesyuarat agung**

**30.** (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Anggota yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

(4) Setiap usul hendaklah dikemukakan kepada Koperasi dengan suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan sebelum mesyuarat agung. Usul hanya boleh dibincangkan dan diputuskan setelah dibentangkan oleh pembawa usul. Usul akan gugur dengan sendirinya jika pembawa usul gagal membentangkannya.

(5) Ketetapan bagi meminda Undang-undang Kecil di dalam mesyuarat agung hendaklah diputuskan oleh anggota sekiranya kehadiran —

(a) dua pertiga daripada bilangan anggota, dengan suatu majoriti mudah; atau

- (b) dengan kuorum yang terkurang yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan dua pertiga daripada anggota yang hadir bersetuju dengan cadangan itu.

### **Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung khas**

**31.** (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung khas itu bilangan anggota yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung itu —

- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi anggota; atau
- (b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

(2) Bagi mesyuarat yang ditunda menurut perenggan (b) fasal (1) —

- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
- (b) notis penundaan hendaklah diposkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.

(3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 28 hendaklah diberi kepada tiap-tiap anggota bagi mesyuarat tertunda itu.

### **Fungsi mesyuarat agung**

**32.** (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
- (b) menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam; dan
- (c) menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit;

- (d) memilih anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (f) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (g) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi;
- (h) menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
- (i) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- (j) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;
- (k) menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan;
- (l) mengisytihar atau menerbitkan syer bonus, jika ada;
- (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
- (n) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
- (o) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah dikemukakan kepada Koperasi yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga;
- (p) meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman; dan

(q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan, jika ada.

(2) Perkara-perkara di dalam perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) fasal (1) hendaklah diputuskan di dalam mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya, menurut subseksyen 40(2) Akta.

(3) Minit-minit mesyuarat agung hendaklah dicatatkan dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung itu, menurut perenggan 14(1)(b) Akta.

(4) Mesyuarat agung boleh menamatkan pelantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis telah diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung diadakan. Sebarang usul tergepar tidak dibenarkan.

### **Pengerusi mesyuarat agung**

**33.** (1) Mesyuarat hendaklah memilih mana-mana anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung.

(2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat agung —

(a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat asal;

(b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan

(c) menjalankan urusan mesyuarat yang asal sahaja.

(3) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

### **Lembaga Koperasi**

**34.** Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi **sembilan** orang yang terdiri daripada anggota yang dipilih oleh mesyuarat agung, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) Undang-undang Kecil 32.

#### **Kelayakan menjadi anggota Lembaga**

**35.** Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (e) belum genap tempoh lima tahun menjadi anggota.

#### **Tempoh memegang jawatan Lembaga**

**36.** (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.

(2) Penggiliran yang ditetapkan dalam fasal (1) hendaklah diulangi tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat di bawah subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana

anggota yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung akan datang.

### **Lucut dan penggantungan jawatan Lembaga**

**37.** (1) Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta-merta jika dia —

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan di bawah Akta atau Peraturan;
- (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau
- (d) hilang kelayakan sebagai anggota, menurut Undang-undang Kecil 20.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika—

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini.

(3) Sebelum sesuatu tindakan penggantungan jawatan dibuat, anggota Lembaga itu hendaklah —

- (a) diberitahu akan kesalahan yang telah dilakukannya dan dinyatakan haknya untuk membela diri secara bertulis; dan
- (b) diberi peluang untuk membela diri dalam tempoh lima belas hari dari tarikh surat pemberitahuan.

(4) Anggota Lembaga yang dikenakan tindakan penggantungan itu hendaklah diberhentikan semua —

(a) hak atau fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu; dan

(b) saraan yang diterima semasa memegang jawatan dan saraan akan dibayar kepadanya jika mesyuarat agung mengetepikan penggantungannya.

(5) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah—

(a) didengar oleh mesyuarat agung yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;

(b) anggota itu diberi notis bertulis tentang mesyuarat agung yang akan memutuskan kes penggantungannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung;

(c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung tersebut; dan

(d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung itu.

(6) Sekiranya anggota Lembaga berkenaan tidak menghadirkan diri dalam mesyuarat agung atau menghadiri mesyuarat agung tetapi tidak membuat pembelaan diri, anggota Lembaga berkenaan dianggap bersetuju dengan penggantungan itu dan penggantungan itu dianggap sah.

(7) Jika mesyuarat agung mengesahkan penggantungan menurut perenggan (d) fasal (5), dia hendaklah dilucutkan jawatannya dengan serta merta.

### **Penamatan pelantikan Lembaga**

**38.** (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil 36, mesyuarat agung hendaklah mempunyai kuasa —

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan
- (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung itu diadakan.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung itu mendengar penjelasan anggota atau anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota yang ditamatkan pelantikannya menurut Undang-undang Kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

### **Mesyuarat Lembaga**

**39.** (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah —

- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung tahunan; dan
- (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari.

(2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh **satu** bulan.

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya —

- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
- (b) lima orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.

(4) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun —

- (a) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga;

- (b) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
- (c) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga.

(5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat dan orang tersebut —

- (a) boleh memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
- (b) tidak boleh mengundi; dan
- (c) boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Semasa ketiadaan pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

### **Kuorum mesyuarat Lembaga**

**40.** Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut Undang-undang Kecil 34.

### **Urusan mesyuarat Lembaga**

**41.** Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
- (b) membincangkan perkara berbangkit;
- (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara-perkara berikut:
  - (i) keputusan-keputusan mesyuarat agung dan menentukan tindakan-tindakan;
  - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalam; dan
  - (iii) laporan pengurusan;

- (d) menimbang dan memutuskan permohonan menjadi anggota dan berhenti daripada menjadi anggota;
- (e) menimbang dan memutuskan permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
- (f) menimbang dan memutuskan permohonan menambah atau mengurangkan bayaran balik pembiayaan;
- (g) menimbang dan memutuskan permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer dan yuran;
- (h) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
- (i) mengkaji dan membincangkan prestasi aktiviti ekonomi semasa dan cadangan aktiviti baru Koperasi;
- (j) mengkaji, membincang dan memutuskan —
  - (i) hal-hal perjawatan;
  - (ii) program latihan pekerja; dan
  - (iii) program pendidikan anggota;
- (k) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut Undang-undang Kecil 49; dan
- (l) menjalankan apa-apa urusan lain yang munasabah.

### **Undi anggota Lembaga**

**42.** (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.

(3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya sendiri atau ia ada kepentingan peribadi.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu.

### **Buku minit mesyuarat Lembaga**

**43.** (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah —

- (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
- (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
- (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

(3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan —

- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c) Akta; dan
- (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

### **Kuasa dan kewajipan Lembaga**

**44.** (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab di bawah fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) melantik seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga;
- (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
  - (i) nama;
  - (ii) alamat kediaman;
  - (iii) nombor kad pengenalan;

- (iv) tarikh keanggotaan;
- (v) pekerjaan; dan
- (vi) jawatan dalam koperasi,  
dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik —
  - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
  - (ii) sebuah firma;bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
- (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
- (g) menyenggara akaun bagi aset dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;
- (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung tahunan —
  - (i) akaun perdagangan;
  - (ii) akaun untung rugi;
  - (iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
  - (iv) kunci kira-kira;

- (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3) Akta; dan
- (vi) laporan juruaudit; dan
- (vii) pandangan Suruhanjaya tentang akaun dan kunci kira-kira; bagi Koperasi dan subsidiary, jika ada;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi kepada mesyuarat agung tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membenteng laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dalam mesyuarat agung tahunan;
- (m) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 37;
- (n) memanggil mesyuarat agung menurut undang-undang kecil;
- (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung;
- (p) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;

- (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung;
- (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk—
  - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
  - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- (u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi atau orang lain yang diberikuasa oleh Lembaga;
- (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
- (w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakili kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) Undang-undang Kecil 9;
- (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi;
- (z) mencadangkan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi;
- (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;

(bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan koperasi dan anggotanya terpelihara; dan

(cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, undang-undang kecil dan mesyuarat agung dari semasa ke semasa.

(3) Lembaga hendaklah mengisytiharkan kepentingannya berkaitan perniagaan dengan koperasi dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara di mana dia mempunyai kepentingan.

### **Liabiliti anggota Lembaga**

**45.** Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agungnya.

### **Tugas pengerusi**

**46.** (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;

(b) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;

(c) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;

(d) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga bila perlu;

(e) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;

(f) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan

(g) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1), boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

### **Tugas setiausaha**

**47.** (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) Mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;

(b) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;

(c) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;

(d) menyenggara dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;

(e) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;

(f) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;

(g) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan

(h) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

## **Tugas bendahari**

**48.** (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
- (b) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
- (c) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
- (d) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (e) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (f) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
- (g) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan; dan
- (h) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

### **Jawatankuasa Audit Dalam**

**49.** (1) Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi **lima** orang anggota yang dilantik oleh Lembaga menurut perenggan (k) Undang-undang Kecil 41.

(2) Lembaga hendaklah memecat mana-mana atau kesemua anggota Jawatankuasa Audit Dalam jika dia —

- (a) gagal berfungsi menurut fasal (3) dan (5) Undang-undang Kecil 52; atau
- (b) gagal memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan koperasi dan anggotanya terpelihara; atau
- (c) menggunakan maklumat Koperasi untuk kepentingan peribadi dan menggugat perniagaan Koperasi; atau
- (d) melakukan perilaku atau tindakan yang boleh dianggap memudaratkan Koperasi.

### **Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalam**

**50.** Tiada seorang pun layak atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalam jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi; dan
- (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini.

### **Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalam**

**51.** (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalam ini adalah dari tarikh dilantik oleh Lembaga sehingga mesyuarat agung tahunan akan datang.

(2) Perkhidmatan mana-mana Jawatankuasa Audit Dalam yang dilantik di bawah fasal (1) boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(3) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

### **Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman**

**52.** (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendaknya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat, buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
- (b) memeriksa akaun-akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
- (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan
- (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau undang-undang kecil.

(4) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga boleh dibayar elaun yang sewajarnya atas khidmat yang diberikan kepada Koperasi.

(5) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —

- (a) bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun; dan

(b) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya.

## **BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI**

### **Wang dan kumpulan wang koperasi**

**53.** (1) Wang dan kumpulan wang koperasi boleh mengandungi —

- (a) fi masuk, syer dan yuran anggota;
- (b) simpanan khas daripada anggota;
- (c) pinjaman atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
- (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
- (e) Akaun Rizab Modal;
- (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
- (g) derma dan pemberian tertentu;
- (h) baki keuntungan terkumpul; dan
- (i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti yang diperuntukkan menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 9.

### **Modal syer**

**54.** (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan **RM10.00 (Ringgit: sepuluh)** syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh enam bulan. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Mana-mana anggota yang gagal melanggan syer seperti dalam fasal (1) hendaklah disingkirkan.

### **Pindahan syer**

**55.** (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 54 kepada anggota lain dengan menandatangani borang pemindahan syer.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

### **Penyelesaian modal syer**

**56.** (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut Undang-undang Kecil 55, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Syer yang ditebus di bawah fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

### **Yuran**

**57.** Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya **RM30.00 (Ringgit: tiga puluh)** sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut jadual tanggagaji/pencen seperti yang terdapat dalam Aturan Yuran Anggota yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung.

### **Keuntungan modal**

**58.** (1) Menurut subseksyen 55 (1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal —

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal yang disebutkan menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

### **Penerbitan syer bonus**

**59.** (1) Koperasi boleh menerbitkan syer bonus daripada —

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap;
- (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (c) Kumpulan Wang Rizab Statutori, dengan kelulusan Suruhanjaya dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya, menurut perenggan 57(1B)(b) Akta; dan
- (d) syer bonus yang ditebus oleh Koperasi melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(2) Syer bonus boleh diterbitkan berasaskan kepada jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota dengan syarat —

- (i) syer tersebut telah dipegang bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
- (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar anggota Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
- (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskan; dan
- (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(3) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal yang disebutkan dalam perenggan (b) fasal (1) Undang-undang Kecil 58, boleh dengan kelulusan Lembaga—

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan, dalam hal anggota yang mati, hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

(4) Satu Daftar Syer Bonus hendaklah diselenggarakan dengan sempurna.

### **Kumpulan Wang Rizab Statutori**

**60.** (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

<b>Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori</b>	<b>Jumlah Pindahan</b>
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100%	Tidak kurang 15% daripada untung

daripada syer dan yuran	bersih teraudit
-------------------------	-----------------

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran koperasi berkenaan.

### **Simpanan khas**

**61.** Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggotanya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat menurut fasal (4) Undang-undang Kecil 9 dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

### **Pinjaman luar dan deposit**

**62.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2) Akta, Koperasi boleh menerima deposit atau meminjam wang daripada anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, daripada orang yang bukan anggota Koperasi.

(2) Peruntukan fasal (1) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.

(3) Pada setiap mesyuarat agung tahunan, koperasi hendaklah —

(a) memberitahu anggotanya mengenai deposit atau pinjaman daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan

(b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

### **Pelaburan wang**

**63.** (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung.

### **Pembiayaan Islam atau kemudahan kredit oleh Koperasi**

**64.** Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada —

- (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung; atau
- (b) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka, atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kelulusan Suruhanjaya.

### **Pengagihan untung bersih teraudit**

**65.** (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori sebanyak yang dinyatakan dalam jadual di fasal (2) Undang-undang Kecil 60; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang yang disebutkan di dalam perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan

menurut subseksyen 57(5) Akta, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan kerana langganan;
- (b) pembayaran dividen, atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat, kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum, sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

### **Dividen dan potongan langganan**

**66.** (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota seperti pada tiga puluh haribulan Jun tahun kewangan berkenaan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang gagal atau engkar untuk menjelaskan yuran atau hutang Koperasi selama tiga bulan

berturut-turut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga atau seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun simpanan khas anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai selepas tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

(3) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada **RM1,000.00 (Ringgit: satu ribu)** dalam tahun kewangan yang berkenaan.

## **BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT**

### **Tahun kewangan**

**67.** Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada **satu haribulan Januari** dan berakhir pada **tiga puluh satu haribulan Disember** setiap tahun.

### **Penyenggaraan akaun**

**68.** (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan —

- (a) aset tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer, yuran dan simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain menurut fasal (1), hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun-akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun-akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung tahunan.

(5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan-

(a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga menurut subseksyen 58(4) Akta;

(b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Menurut Peraturan, Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(7) Suruhanjaya boleh menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(8) Menurut Peraturan, suatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

## **Resit-resit dan baucar**

**69.** (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Pelantikan dan kewajipan juruaudit**

**70.** (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun koperasi menurut perenggan 60(1)(a) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan mengemukakan satu salinan suratcara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

### **Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit**

**71.** Suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

### **Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota**

**72.** Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung tahunan:

(a) akaun perdagangan;

- (b) akaun untung rugi;
- (c) kunci kira-kira dan subsidiary, jika ada; dan
- (d) laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiarinya, jika ada; yang dikemukakan untuk pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (f) laporan juruaudit; dan
- (g) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

## **BAHAGIAN VIII PELBAGAI**

### **Jualan**

**73.** Semua jualan hendaklah dibuat secara tunai kecuali kepada pihak-pihak yang dibenarkan oleh Lembaga.

### **Akaun bank**

**74.** Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberikuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Mohor Koperasi**

**75.** (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberikuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberikuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

### **Pertukaran alamat anggota**

**76.** Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

### **Penyediaan dokumen untuk diperiksa**

**77.** Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi —

- (a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan Undang-undang kecil;
- (c) akaun teraudit yang terakhir;
- (d) suatu senarai anggota;
- (e) suatu senarai anggota Lembaga;
- (f) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada;
- (g) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada; dan
- (h) aturan-aturan aktiviti, jika ada.

### **Penyerahan tugas**

**78.** Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

### **Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi**

**79.** (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

### **Pelantikan Yang Dipertua**

**80.** Lembaga boleh melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

### **Pertikaian**

**81.** (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaiannya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut Undang-undang Kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta, hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

### **Pemeliharaan kerahsiaan**

**82.** Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

### **Pembubaran**

**83.** Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

### **Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil**

**84.** (1) Undang-undang Kecil ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

### **Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota**

**85.** Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui bahawa Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung tahunan bertarikh dua puluh lapan haribulan Jun tahun dua ribu lapan.

.....  
(Dato' Haji Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Haji Abdul Rahman b Haji Ismail )  
Anggota Lembaga

.....  
(Haji Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AL QARD**

**NAMA**

1. (1) Aturan ini dinamakan aturan Al Qard, Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi dan satu salinan aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-
  - (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (b) 'anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) 'Al Qard' maknanya memberikan pinjaman wang kepada anggota dengan perjanjian yang ia akan membayar balik dengan jumlah yang sama;
  - (d) 'aturan-aturan' maknanya aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung;
  - (e) 'kos perkhidmatan' sejumlah wang yang dikenakan kepada anggota yang mendapat Al Qard dan bayaran ini adalah bertujuan menguruskan Al Qard anggota tersebut;
  - (f) 'BPA' maknanya Biro Perkhidmatan Angkasa;
  - (g) 'Koperasi' maknanya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (h) 'Lembaga' maknanya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
  - (i) 'Peraturan' maknanya Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (j) 'Sipenerima' maknanya anggota yang menerima Al Qard;
  - (k) 'Suruhanjaya' maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (l) 'Undang-undang kecil' maknanya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (m) 'Yuran' jumlah wang yang disumbang pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaan dalam Koperasi dan boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
  - (n) "Pembiayaan" merujuk kepada pertukaran wang dengan barang atau sebaliknya dan pertambahan nilai(aktiviti jual beli yang berlaku dikenali sebagai Al Bai Inah dikenali sebagai keuntungan.
  - (o) "Hutang dengan koperasi" ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis laki-laki hendaklah meliputi jenis perempuan.

## **TUJUAN-TUJUAN**

3. Tujuan Al Qard ini ialah untuk membantu dan menolong anggota-anggota mendapatkan sesuatu yang mustahak dan bermanfaat bagi mengatasi masalah yang anggota-anggota hadapi seperti berikut:-
  - (a) Pelajaran dan pendidikan untuk diri anggota sendiri atau anak-anak/orang-orang yang di bawah tanggungannya bagi melanjutkan pelajaran diperingkat yang lebih tinggi..
  - (b) Perbelanjaan sakit dan perubatan.
  - (c) Kegunaan-kegunaan lain mengikut pertimbangan Lembaga.

## **JENIS-JENIS AL QARD**

4. (1) Al Qard Berjamin.

Al Qard berjamin ialah wang yang diberikan kepada anggota-anggota bagi tujuan biasa dan pendidikan dengan jaminan dua orang penjamin atau lebih yang terdiri daripada anggota-anggota Koperasi ini. Al Qard jenis ini mempunyai syarat-syarat berikut:-

- (a) Tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik sepenuhnya Al Qard.
- (b) Penjamin-penjamin itu hendaklah membayar balik kesemuanya Al Qard yang diberi kepada sipenerima, jika sekiranya sipenerima tidak dapat membayar balik Al Qard itu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui.
- (c) Al Qard yang diberi di bawah aturan ini tidak boleh melebihi dari sembilan bulan gaji sipenerima atau RM5,000.00 mengikut mana yang kurang.
- (d) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan pinjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan.

- (2) Al Qard Tanpa Penjamin

Al Qard ini boleh diberikan kepada anggota-anggota bagi tujuan perubatan dengan syarat-syarat berikut:-

- (a) Al Qard yang dibenarkan tidak melebihi RM500.00.
- (b) Al Qard ini juga tidak memerlukan jaminan.

## **KELAYAKAN MEMOHON AL QARD**

5. (1) Seseorang yang telah menjadi anggota Koperasi ini sekurang-kurangnya 6 bulan dan telah menyempurnakan bayaran yuran bulanan untuk tempoh tersebut,, layak memohon Al Qard; atau
- (2) Bagi pemohon yang menjadi anggota kurang daripada enam (6) bulan, anggota tersebut hendaklah memiliki sekurang-kurangnya modal yuran sebanyak RM180.00 (RM30 x 6 bulan) dan menjadi anggota sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

## **PENGAKUAN ANGGOTA YANG MEMOHON AL QARD**

6. Seseorang anggota yang memohon bagi mendapat Al Qard hendaklah memberi pengakuan seperti berikut:-
  - (a) Bahawa ia menyertakan bersama-sama permohonannya itu satu keterangan yang benar dan lengkap berkenaan syer, yuran dan tanggungannya di Koperasi ini sama ada sebagai sipenerima atau penjamin-penjamin atau kedua-duanya;
  - (b) Bahawa ia mengaku tidak akan menjadi penjamin atau mendapatkan wang Al Qard selain daripada Koperasi ini, melainkan dengan kebenaran Lembaga;
  - (c) Bahawa ia tidak akan berhenti daripada menjadi anggota sebelum Al Qard yang diberikan kepadanya itu selesai dibayar balik;

- (d) Bahawa sebagai penerima Al Qard, seseorang anggota bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau pelarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi.
- (e) Bahawa sebagai penjamin kepada anggota-anggota Koperasi yang lain, seseorang anggota itu bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau pelarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi yang dijamin setelah diarahkan oleh Lembaga Koperasi.
- (f) Jika sipenerima berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota, bangkrap, membuat pengeluaran yuran dan meninggal dunia, sipenerima atau penjamin boleh memohon kepada Koperasi untuk menggantikan beliau dengan anggota lain sebagai penjamin dengan mengisi borang pertukaran penjamin yang disediakan oleh Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat bahawa tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik sepenuhnya Al Qard.

#### **TEMPOH BAYARAN**

- 7. (1) Tempoh bayaran Al Qard Tanpa Jaminan hendaklah tidak melebihi 12 bulan.
- (2) Tempoh bayaran balik Al Qard Berjamin hendaklah tidak melebihi 60 bulan.

#### **JUMLAH HAD TANGGUNGAN SIPENERIMA KEPADA KOPERASI**

- 8. Jumlah had tanggungan anggota kepada Koperasi ini sama ada sebagai penerima atau penjamin atau keduanya ialah 9 bulan gajinya dicampurkan dengan jumlah modal yurannya di dalam Koperasi ini.

#### **PENOLAKAN AL QARD**

- 9. (1) Lembaga berkuasa untuk menolak sebarang permohonan Al Qard, menghadkan jumlah Al Qard dan menolak mana-mana anggota sebagai penjamin.
- (2) Anggota-anggota tidak boleh menuntut bahawa Al Qard sebagai satu daripada hak-haknya.

#### **AL QARD DIBAYAR DENGAN SERTA MERTA**

- 10. Al Qard hendaklah dibayar balik dengan serta merta tanpa menghiraukan syarat-syarat Al Qard ini mengikut keadaan berikut:-
  - (a) Jika sipenerima berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota.
  - (b) Jika ia tidak dapat memberi penjamin yang lain dalam tempoh 2 bulan bagi menggantikan penjamin yang tidak layak.

#### **PERMOHONAN AL QARD**

- 11. Permohonan bagi mendapatkan wang Al Qard hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan mengisi borang yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

#### **PENYEGERAAN BAYARAN BALIK AL QARD**

- 12. Sipenerima Al Qard bolehlah menjelaskan kesemua Al Qardnya atau sebahagian daripadanya pada masa yang lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan.

#### **PENYERAHAN AL QARD KEPADA SIPENERIMA**

- 13. (1) Penyerahan Al Qard kepada sipenerima akan dibuat hanya setelah selesai ditandatangani semua surat-surat perjanjian dan surat pengakuan jaminan berkenaan.

(2) Lembaga berhak menentukan bentuk dan kandungan surat perjanjian hutang atau bon pembiayaan dari semasa ke semasa mengikut keperluan Koperasi.

#### **KOS PERKHIDMATAN**

14. Kos perkhidmatan bagi pembiayaan Al Qard akan dikenakan seperti berikut:-

- |                                   |                                |
|-----------------------------------|--------------------------------|
| (a) Al Qard Biasa atau RM5,000.00 | RM30.00 atas setiap pembiayaan |
| (b) Al Qard (Pinjaman Siswa)      | RM10.00 atas setiap RM1,000.00 |

#### **SIPENERIMA YANG BAIK**

15. Setiap penerima adalah digalakkan untuk menjadi penerima yang BAIK yang dengan sukarela menderma wang kepada Koperasi iaitu membayar lebih daripada bayaran balik Al Qard mengikut keikhlasan hatinya sendiri.

#### **TANGGUNGJAWAB SIPENERIMA**

16. Adalah menjadi tanggungjawab sipenerima untuk:-

- Menandatangani surat perjanjian hutang (al-kafalah),
- Menandatangani surat perjanjian jaminan,
- Menyertai Kumpulan Wang Perlindungan Kredit yang ditentukan oleh Lembaga.
- Membuat bayaran ansuran tanpa gagal dan menepati masa-masanya; dan
- Menanggung semua kos yang terlibat dalam membuat bayaran itu.

#### **TA'WIDH(PAMPASAN)**

17. Peminjam atau sipenerima hendaklah membayar kepada Koperasi dalam bentuk ta'widh(pampasan) di atas sebarang kelewatan bagi sebarang bayaran, sejumlah amaun bersamaan satu peratus (1%) sebulan berdasarkan amaun yang tertunggak daripada tarikh amaun tertunggak itu hinggalah tarikh penyelesaian sepenuh dan akhirnya atau amaun yang lain yang akan diputuskan oleh Lembaga.

#### **KUASA MELULUS PEMBIAYAAN**

18. Kuasa meluluskan pembiayaan Al Qard diberi mandat kepada Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari Koperasi ini.

#### **TAKRIF**

19. Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan-aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

#### **PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN**

- (1) Aturan-Aturan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-Peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan Suruhanjaya bolehlah meminda peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan skim ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Haji Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Haji Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

**NAMA**

1. (1) Aturan-aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Al Bai U Bithaman Ajil , Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan Aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-
  - (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (b) 'anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) 'Al Bai U Bithaman Ajil' maknanya perjanjian jual beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli dimana pemilik barang menyerahkan barang tersebut kepada pembeli dengan serta merta dan pembeli menanggungkan bayaran harga barang tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.
  - (d) 'aturan' maknanya aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung;
  - (e) 'bayaran perkhidmatan' sejumlah wang yang dikenakan kepada anggota yang mendapat Al Bai U Bithaman Ajil dan bayaran ini adalah bertujuan menguruskan Al Bai U Bithaman Ajil;
  - (f) 'BPA' maknanya Biro Perkhidmatan Angkasa;
  - (g) 'Koperasi' maknanya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (h) 'Lembaga' maknanya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
  - (i) 'Peraturan' maknanya Peraturan-peraturan Koperasi 2008 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;
  - (j) 'Sipenerima' maknanya anggota yang menerima Al Bai U Bithaman Ajil;
  - (k) 'Suruhanjaya' maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (l) 'Undang-undang kecil' maknanya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (m) 'Yuran' jumlah wang yang disumbang pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaan dalam Koperasi dan boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
  - (n) "Pembiayaan" merujuk kepada pertukaran wang dengan barang atau sebaliknya dan pertambahan nilai(aktiviti jual beli yang berlaku dikenali sebagai Al Bai Inah) dikenali sebagai keuntungan.
  - (o) "Hutang dengan koperasi" ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer,

syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis laki-laki hendaklah meliputi jenis perempuan.

### **TUJUAN DAN JENIS PEMBIAYAAN**

3. (1) Tujuan Al Bai U Bithaman Ajil ialah untuk membantu anggota-anggota mendapatkan:-

- (a) perkhidmatan
- (b) barangan
- (c) kenderaan
- (d) tanah
- (e) rumah
- (f) lain-lain pemilikan harta mengikut pertimbangan Lembaga.

(2) Jenis Al Bai U Bithaman Ajil (BBA)

- (a) BBA Berjamin
- (b) BBA Tidak berjamin

### **KELAYAKAN MEMOHON AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

4. Anggota-anggota yang ingin memohon skim Al Bai U Bithaman Ajil hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:-

- (a) Seseorang yang telah menjadi anggota Koperasi ini sekurang-kurangnya enam(6)bulan dan telah menyempurnakan bayaran yuran bulanan untuk tempoh tersebut, layak memohon Al Bai U Bithaman Ajil; atau.
- (b) Bagi pemohon yang menjadi anggota kurang daripada enam (6) bulan, anggota tersebut hendaklah memiliki sekurang-kurangnya modal yuran sebanyak RM180.00 (RM30 x 6 bulan) dan menjadi anggota sekurang-kurangnya satu (1) bulan.
- (c) Dapat mengadakan penjamin-penjamin yang terdiri daripada anggota-anggota yang boleh diterima oleh Lembaga;
- (d) Bayaran ansuran bulanannya tidak lebih daripada 1/3 gaji atau pendapatan bulanannya; dan
- (e) Kenderaan atau hartanah hendaklah bebas dari sekatan kepentingan dan boleh diserahkan milik kepada Koperasi untuk dijual kepada sipenerima.

### **HAD PEMBERIAN AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

5. (1) Had maksima Al Bai U Bithaman Ajil yang boleh diberikan kepada seseorang anggota untuk membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan atau membeli kenderaan atau membeli rumah atau tanah atau hartanah, adalah tidak melebihi 15 bulan gaji atau RM50,000.00 dicampur yuran ikut mana yang kurang.

(2) Lembaga berhak menentukan jumlah maksima pembiayaan di bawah skim ini mengikut budi bicaranya tertakluk kepada had maksima yang diperuntukan di bawah perkara 5(1).

### **POTONGAN HUTANG KERANA PENYELESAIAN AWAL**

6. Lembaga mengikut budi bicaranya boleh menetapkan sejumlah potongan wang kepada anggota yang menyelesaikan hutangnya kepada Koperasi terlebih awal daripada tempoh bayaran balik pinjaman di bawah skim Al Bai U Bithaman Aajil.

#### **TANGGUNGJAWAB PENJAMIN-PENJAMIN**

7. Al Bai U Bithaman Aajil untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan di bawah aturan-aturan ini akan diberikan kepada anggota-anggota dengan jaminan dua orang anggota-anggota Koperasi ini dengan syarat-syarat yang berikut:-
  - (a) Tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran sepenuhnya ansuran hutang atas harga barang atau kenderaan atau rumah atau tanah tersebut;
  - (b) Penjamin-penjamin itu hendaklah membiayai kesemuanya ansuran hutang yang diberikan kepada sipenerima jika sekiranya sipenerima tidak dapat membayar balik ansuran hutang itu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui.
  - (c) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan pinjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan

#### **TANGGUNGJAWAB ANGGOTA**

8. (1) Adalah menjadi tanggungjawab anggota untuk:-
  - (a) Membuat aqad belian dan menandatangani borang aqad yang disediakan,
  - (b) Menandatangani surat perjanjian hutang (al-kafalah),
  - (c) Menandatangani surat perjanjian jaminan,
  - (d) Mengesahkan penerimaan barang atau perkhidmatan atau kenderaan atau rumah atau tanah atau hartanah yang dibeli;
  - (e) Menyertai Kumpulan Wang Perlindungan Kredit yang ditentukan oleh Lembaga.
  - (f) Membuat bayaran ansuran tanpa gagal dan menepati masa-masanya; dan
  - (g) Menanggung semua kos yang terlibat dalam membuat bayaran itu.
- (2) Lembaga berhak menentukan bentuk dan kandungan surat perjanjian hutang atau bon pinjaman dari semasa ke semasa mengikut keperluan Koperasi.

#### **PENGAKUAN ANGGOTA YANG MEMOHON AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

9. Seseorang anggota yang memohon Al Bai U Bithaman Aajil hendaklah membuat pengakuan-pengakuan bertulis seperti berikut:-
  - (a) Bahawa ia menyatakan bersama-sama permohonan-permohonannya itu satu keterangan yang benar dan lengkap berkenaan dengan wang yuran dan tanggungannya di Koperasi ini sama ada sebagai sipenerima atau siberhutang atau penjamin-penjamin atau ketiga-tiganya;
  - (b) Bahawa ia mengaku tidak akan menjadi penjamin atau mendapatkan Al Bai U Bithaman Aajil atau lain-lain hutang selain daripada Koperasi ini, melainkan dengan kebenaran Lembaga;
  - (c) Bahawa ia tidak akan berhenti dari menjadi anggota sebelum ansuran hutangnya kepada Koperasi ini selesai dibayar balik; dan
  - (d) Bahawa sebagai penerima Al Bai U Bithaman Aajil, seseorang anggota bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau palarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi.
  - (e) Bahawa sebagai penjamin kepada anggota-anggota Koperasi yang lain, seseorang anggota itu bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau palarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi yang dijamin setelah diarahkan oleh Lembaga Koperasi.

- (f) Jika sipenerima berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota, bangkrap, membuat pengeluaran yuran dan meninggal dunia, sipenerima atau penjamin boleh memohon kepada Koperasi untuk menggantikan beliau dengan anggota lain sebagai penjamin dengan mengisi borang pertukaran penjamin yang disediakan oleh Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat bahawa tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik sepenuhnya Al Bai U Bithaman Aajil.

#### **TEMPOH BAYARAN BALIK AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

10. Bayaran balik Al Bai U Bithaman Aajil atas harga barang atau perkhidmatan atau kenderaan atau rumah atau tanah atau hartanah hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi 120 bulan.

#### **CARA BAYARAN ANSURAN**

11. Bayaran balik hendaklah dibuat melalui BPA atau lain-lain cara yang dipersetujui oleh Lembaga.

#### **PENOLAKAN PERMOHONAN AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

12. (1) Lembaga adalah berkuasa menolak sebarang permohonan dari anggota untuk kemudahan Al Bai U Bithaman Aajil, menghadkan jumlahnya dan menolak sesiapa jua anggota sebagai penjamin.  
(2) Tidak ada anggota boleh menuntut supaya ia diberikan Al Bai U Bithaman Aajil sebagai suatu haknya.

#### **HUTANG DIBAYAR BALIK DENGAN SERTA-MERTA**

13. Sipenerima hendaklah membayar balik dengan serta merta segala hutang kepada Koperasi ini mengikut keadaan berikut:-  
(a) Jika sipenerima berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota.  
(b) Jika sipenerima tidak dapat mencari penjamin yang lain dalam tempoh 2 bulan bagi menggantikan penjamin yang tidak layak.

#### **PERMOHONAN AL BAI U BITHAMAN AAJIL**

14. Permohonan dari anggota-anggota mendapatkan Al Bai U Bithaman Aajil hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan mengisi borang yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

#### **PENYERAHAN BAYARAN HUTANG**

15. Sipenerima bolehlah menjelaskan kesemua hutangnya atau sebahagian daripadanya pada masa yang lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan.

#### **PENYERAHAN BARANG ATAU KENDERAAN ATAU RUMAH KEPADA SIPENERIMA**

16. Penyerahan barang atau kenderaan atau rumah atau tanah atau hartanah akan dibuat hanya setelah semua surat perjanjian atau surat pengakuan jaminan selesai ditandatangani.

#### **KADAR KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN**

17. Lembaga berhak menentukan kadar keuntungan atas pembiayaan berdasarkan kadar yang sesuai di pasaran.

#### **TA'WIDH(PAMPASAN)**

18. Peminjam atau sipenerima hendaklah membayar kepada Koperasi dalam bentuk ta'widh(pampasan) di atas sebarang kelewatan bagi sebarang bayaran, sejumlah amaun bersamaan satu peratus (1%) sebulan berdasarkan

amaun yang tertunggak daripada tarikh amaun tertunggak itu hinggalah tarikh penyelesaian sepenuh dan akhirnya atau amaun yang lain yang akan diputuskan oleh Lembaga.

#### **KUASA MELULUS PEMBIAYAAN**

19. Kuasa meluluskan pembiayaan Al Bai U Bithaman Aajil diberi mandat kepada Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari Koperasi ini.

#### **TAKRIF**

20. Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan-aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

#### **PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN**

21. (1) Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.

(2) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan Suruhanjaya, bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan-aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Al Bai U Bithaman Aajil.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN PEKERJA**

**NAMA**

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan-aturan Pembiayaan Pekerja Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan Aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-
  - (a) 'Koperasi' bermakna Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
  - (b) 'Pembiayaan Pekerja' bermakna pembiayaan pekerja yang diselenggarakan oleh Koperasi ini.
  - (c) 'Lembaga' bermakna badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
  - (d) 'Pekerja' bermakna pekerja-pekerja yang menjalankan tugas-tugas dan dibayar gaji oleh Koperasi ini dan telah disahkan dalam jawatannya.
  - (e) 'Pembiayaan' bermakna pinjaman Al Bai U Bithaman Aajil, Al Bai Al Inah atau mana-mana kategori pembiayaan yang penuh atau sebahagian sahaja daripada Pembiayaan Pekerja yang diberi oleh Koperasi yang dikehendaki di bayar balik.
  - (f) 'Mesyuarat agung' bermakna mesyuarat agung tahunan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
  - (g) 'Al Qard' bermakna memberikan sesuatu kepada pekerja dengan perjanjian yang ia akan membayar balik dengan jumlah yang sama.
  - (h) 'Al Bai U Bithaman Aajil' bermakna perjanjian jual beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli di mana pemilik barang menyerahkan barang tertentu kepada pembeli dengan serta-merta dan pembeli menangguhkan bayaran harga barang tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.
  - (i) 'Al Bai Al Inah' bermakna perjanjian jual beli asset tertentu di antara Koperasi dan pembeli di mana Koperasi menjual asset miliknya kepada pembeli dengan harga tertanggung dan kemudian membeli semula asset tersebut dengan harga tunai.
  - (j) "Pembiayaan" merujuk kepada pertukaran wang dengan barang atau sebaliknya dan pertambahan nilai(aktiviti jual beli yang berlaku dikenali sebagai Al Bai Inah) dikenali sebagai keuntungan.
  - (k) "Hutang dengan koperasi" ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**TUJUAN**

3. (1) Tujuan Pembiayaan Pekerja ini ialah untuk memberi kemudahan kepada pekerja Koperasi ini membeli kenderaan dan barang-barang lain atau perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga atau untuk memberi pembiayaan wang tunai kepada pekerja untuk tujuan yang diluluskan oleh Lembaga.

- (2) Menurut subseksyen 51 Akta, dan perkara 64 undang-undang kecil, Koperasi ini boleh memberikan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka.

#### **JENIS-JENIS PEMBIAYAAN PEKERJA**

4. Jenis-jenis pembiayaan pekerja yang dikeluarkan ialah:-

- (a) Al Qard;
- (b) Al Bai U Bithaman Aajil ; dan
- (c) Al Bai Al Inah

#### **PERMINTAAN PEMBIAYAAN**

5. (1) Seseorang pekerja yang berkehendakkan pembiayaan hendaklah membuat permintaan secara bertulis dan ditujukan kepada Lembaga melalui borang yang disediakan. Ia hendaklah hadir jika dikehendaki di dalam mesyuarat Lembaga pada waktu menimbang permintaannya dan hendaklah bersedia menjawab segala soalan-soalan berhubung dengan permintaannya.
- (2) Seseorang pekerja yang berkehendakkan pembiayaan pekerja hendaklah bekerja sekurang-kurangnya selama setahun dan telah disahkan serta dipertetapkan jawatannya oleh Lembaga.

#### **HAD PEMBIAYAAN PEKERJA**

6. (1) Had pembiayaan pekerja adalah seperti berikut-

- (a) Al Qard adalah tidak melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja).
  - (b) Al Bai U Bithaman Aajil bagi barang-barang yang dibekal oleh Koperasi ialah tidak melebihi RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh ribu sahaja) atau tidak melebihi 15 bulan gaji dicampur dengan baki tabung simpanan pekerja ikut mana yang kurang.
  - (c) Al Bai Al Inah adalah tidak melebihi RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh ribu sahaja) atau tidak melebihi 15 bulan gaji dicampur dengan baki tabung simpanan pekerja ikut mana yang kurang atau tidak melebihi 15 bulan gaji dicampur dengan baki tabung simpanan pekerja ikut mana yang kurang.
- (2) Had-had yang dinyatakan di fasal 6(1)(a), (b) dan (c) di atas adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pekerja seperti berikut:-

<u>Tempoh Khidmat</u>	<u>Had Pinjaman</u>
1-3 tahun	RM 3,000.00
4-5 tahun	RM 5,000.00
6-7 tahun	RM10,000.00
8-10 tahun	RM20,000.00
11-15 tahun	RM30,000.00
15 tahun ke atas	RM50,000.00

- (3) Lembaga boleh menentukan had maksima pembiayaan mengikut budi bicaranya tertakluk kepada had maksima yang diperuntukkan di atas.

#### **TEMPOH DAN CARA BAYARAN BALIK**

8. (1) Tempoh dan cara bayaran balik pembiayaan pekerja adalah seperti berikut-
- (a) Al Qard hendaklah dibayar balik dalam tempoh tidak lebih daripada 24 bulan mulai daripada bulan berikutnya pinjaman dikeluarkan. Bagaimanapun Lembaga boleh membenarkan pinjaman ini dibayar balik dalam tempoh yang lebih pendek dari itu.
  - (b) Al Bai U Bithaman Aajil hendaklah dibayar balik dalam tempoh tidak lebih daripada 120 bulan mulai daripada bulan berikutnya pembiayaan dikeluarkan. Bagaimanapun Lembaga boleh membenarkan pembiayaan ini dibayar balik dalam tempoh yang lebih pendek dari itu.
  - (c) Al Bai Al Inah hendaklah dibayar balik dalam tempoh tidak lebih daripada 84 bulan mulai daripada bulan berikutnya pembiayaan dikeluarkan. Bagaimanapun Lembaga boleh membenarkan pembiayaan ini dibayar balik dalam tempoh yang lebih pendek dari itu.
- (2) Bayaran ansuran bulanannya tidak lebih daripada 1/3 gaji atau pendapatan bulanannya.

#### **BAYARAN PERKHIDMATAN AL QARD**

9. Bayaran perkhidmatan untuk Al Qard yang dikeluarkan dari Pembiayaan Pekerja ini akan ditetapkan oleh Lembaga.

#### **JAMINAN BAYARAN BALIK**

10. (1) Pembiayaan yang diberi mestilah dijamin oleh dua (2) orang atau lebih penjamin yang berkecualan terdiri dari anggota Koperasi dan seorang pekerja Koperasi ini.
- (2) Sekurang-kurangnya seorang penjamin hendaklah menanggung kesemuanya dari pembiayaan itu. Jika tiada boleh didapati penjamin yang kedua bagi menanggung kesemua jumlah pembiayaan, maka menurut timbangannya sendiri Lembaga bolehlah menerima dan membenarkan dua orang atau lebih penjamin menanggung antara mereka kesemuanya pembiayaan itu.
- (3) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan penjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan.

#### **TANGGUNGJAWAB PENJAMIN-PENJAMIN**

11. Bagi pembiayaan Al Bai Al Inah berjamin yang dibenarkan di bawah aturan-aturan ini akan diberikan kepada pembeli-pembeli dengan jaminan dua orang anggota-anggota Koperasi ini dengan syarat-syarat yang berikut:-
- (a) Tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran sepenuhnya ansuran hutang atas harga aset yang dibeli oleh pembeli;
  - (b) Penjamin-penjamin itu hendaklah membayar balik kesemuanya ansuran hutang yang diberikan kepada pembeli jika sekiranya pembeli tidak dapat membayar balik ansuran hutang itu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui.

#### **TANGGUNGJAWAB PEMINJAM**

12. (1) Adalah menjadi tanggungjawab peminjam untuk:-
- (a) Membuat aqad belian dan jualan dan menandatangani borang aqad yang disediakan.
  - (b) Menandatangani surat perjanjian hutang (al-kafalah)
  - (c) Menyertai skim takaful yang ditentukan oleh Lembaga.
  - (d) Membuat bayaran ansuran tanpa gagal dan menepati masa-masanya; dan
  - (e) Menanggung semua kos yang terlibat dalam membuat bayaran itu

- (2) Lembaga berhak menentukan bentuk dan kandungan surat perjanjian hutang atau bon pembiayaan dari semasa ke semasa mengikut keperluan Koperasi.

#### **MENUNTUT BALIK PEMBIAYAAN DENGAN SERTA MERTA**

13. Pembiayaan hendaklah dibayar balik dan dituntut dengan bayaran perkhidmatannya serta merta:-

- (a) Apabila peminjam berhenti atau diberhentikan kerja dengan Koperasi ini.
- (b) Sekiranya seseorang daripada penjaminnya tidak lagi berkelayakan menjamin pembiayaan itu kerana sesuatu sebab dan pekerja itu tidak dapat memberi penjamin lain yang dipersetujui oleh Lembaga.
- (c) Atas sebab-sebab lain difikir patut dituntut dengan serta-merta oleh Lembaga.
- (d) Apabila sesuatu ansuran membayar hutang beserta dengan bayaran perkhidmatan tidak dibayar lebih daripada 2 bulan maka Lembaga hendaklah menuntut balik kesemua baki pembiayaan itu dengan bayaran perkhidmatan daripada penjamin-penjaminnya.

#### **MENOLAK PERMINTAAN PEMBIAYAAN**

14. Lembaga berkuasa penuh menolak sesuatu permintaan pembiayaan dan menghadkan banyaknya pembiayaan. Seseorang pekerja tidak boleh menuntut bahawa pembiayaan itu adalah suatu hak kepadanya.

#### **POTONGAN HUTANG KERANA PENYELESAIAN AWAL**

15. Lembaga mengikut budi bicaranya boleh menetapkan sejumlah potongan wang kepada anggota yang menyelesaikan hutangnya kepada Koperasi terlebih awal daripada tempoh bayaran balik pembiayaan.

#### **TA'WIDH(PAMPASAN)**

16. Peminjam atau sipenerima hendaklah membayar kepada Koperasi dalam bentuk ta'widh(pampasan) di atas sebarang kelewatan bagi sebarang bayaran, sejumlah amaun bersamaan satu peratus (1%) sebulan berdasarkan amaun yang tertunggak daripada tarikh amaun tertunggak itu hinggalah tarikh penyelesaian sepenuh dan akhirnya atau amaun yang lain yang akan diputuskan oleh Lembaga.

#### **KUASA MELULUS PEMBIAYAAN**

17. Kuasa meluluskan pembiayaan pekerja diberi mandat kepada Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari Koperasi ini.

#### **PINDAAN**

18. (1) Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-Peraturan.

(2) Aturan-aturan Pembiayaan Pekerja ini tidak boleh dimansuhkan atau dipinda melainkan dengan diadakan suatu cadangan dalam persidangan mesyuarat agung Koperasi dan diluluskan, dan dengan persetujuan Suruhanjaya.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

Diluluskan oleh  
Mesyuarat Agung  
pada 28-6-2008

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG DERMASISWA**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan-aturan aktiviti ini dinamakan Aturan-aturan Kumpulan Wang Dermasiswa Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan Aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Dermasiswa ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain;
  - (a) “Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (b) “Anggota” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil ini selepas pendaftarannya, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Aturan” ertinya Aturan-aturan Kumpulan Wang Dermasiswa Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (d) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Koperasi atau Koperasi ini” ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (f) “Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
  - (g) “Pelajar” termasuklah seseorang anggota, suami/isteri anggota, anak anggota dan anak bekas anggota yang kerana pengajiannya pinjaman dermasiswa atau hadiah dermasiswa Koperasi ini diberikan;
  - (h) “Pemohon” ertinya seseorang yang berkelayakan memohon pinjaman siswa atau hadiah dermasiswa atau kedua-duanya mengikut perkara (6) dan (15) Aturan;
  - (i) “Peraturan” ertinya Peraturan-peraturan Koperasi 2008 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (j) “Undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (k) “Wang berlebihan” ertinya wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini yang boleh dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian aktiviti-aktiviti dermasiswa ini.

**PENUBUHAN JAWATANKUASA DERMASISWA**

3. Pengelolaan hal ehwal kumpulan wang dermasiswa Koperasi dan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengannya bolehlah diwakilkan kepada satu jawatankuasa mengandungi tujuh orang anggota. Jawatankuasa ini yang dinamakan Jawatankuasa Dermasiswa mengandungi seorang pengerusi dan lima orang anggota yang dilantik oleh Lembaga di kalangan mereka, dan anggota ketujuh ialah setiausaha Koperasi yang dengan sendirinya menjadi setiausaha Jawatankuasa ini.

## **TEMPOH MEMEGANG JAWATAN**

4. Semua anggota Jawatankuasa Dermasiswa Koperasi hendaklah berhenti pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan dan Lembaga bolehlah membuat lantikan baru menurut perkara 3 Aturan dalam mesyuarat Lembaga yang terawal selepas mesyuarat agung tahunan.

## **KEWAJIPAN JAWATANKUASA DERMASISWA**

5. (a) Jawatankuasa Dermasiswa hendaklah mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemberian pinjaman siswa dan dermasiswa kepada anggota.
  - (b) Jawatankuasa Dermasiswa bolehlah merancang, setakat yang tidak bercanggah dengan Akta, Peraturan dan undang-undang kecil, dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga, bagi menggunakan wang berlebihan dalam Kumpulan Wang Dermasiswa untuk dilabur menurut seksyen 54 Akta dan melaksanakan projek atau projek-projek yang boleh memanfaatkan anggota dan Koperasi.

## **PINJAMAN SISWA**

6. (a) Koperasi ini menawarkan pinjaman siswa tanpa mengenakan faedah bagi tujuan membiayai keperluan-keperluan pengajian peringkat diploma, diploma lanjutan, ijazah pertama, ijazah sarjana dan doktor falsafah di institusi-institusi pengajian di dalam dan di luar negeri yang kelulusannya diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia, kepada anggota Koperasi ini yang telah menjadi anggota tidak kurang daripada lima tahun, bagi membiayai keperluan pengajian anggota sendiri, suami/isteri dan anak-anak anggota;
  - (b) Pemberian pinjaman siswa adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan Al Qard dan iklan tawaran dari semasa ke semasa.

## **PINJAMAN SISWA SETAHUN KE SETAHUN**

7. Pemberian pinjaman siswa ini adalah untuk satu tahun pengajian daripada mana-mana tahun pengajian seseorang pelajar, tertakluk kepada adanya bukti sah seseorang pelajar itu benar-benar berada dan sedang belajar di sebuah institusi pengajian. Pemberian pinjaman siswa untuk tahun atau tahun-tahun berikutnya sehingga tamat pengajian boleh dipertimbangkan dan diluluskan jika ada permohonan untuk tahun berkenaan atau dari setahun ke setahun.

## **HAD PINJAMAN YANG BOLEH DIBENARKAN**

8. (a) Jawatankuasa Dermasiswa dalam mesyuaratnya bolehlah menimbang permohonan-permohonan pinjaman siswa dan meluluskan suatu jumlah pinjaman yang difikirkan sesuai tetapi hendaklah tidak lebih daripada RM3,000.00 (Ringgit Malaysia tiga ribu sahaja) untuk seseorang pelajar bagi sesuatu tahun pengajian; dan tidak juga boleh pada mana-mana masa jumlah pinjaman yang belum dibayar balik bagi seseorang pelajar melebihi RM3,000.00 (Ringgit Malaysia tiga ribu).
  - (b) Jawatankuasa Dermasiswa juga boleh menentukan bilangan permohonan yang boleh diluluskan bagi sesuatu tawaran supaya tidak melebihi peruntukan yang ditetapkan oleh Lembaga.

## **BAYARAN BALIK PINJAMAN DERMASISWA**

9. Pinjaman siswa yang diambil hendaklah dibayar balik secara ansuran bulanan sejumlah yang sama banyak tiap-tiap bulan seperti berikut:-
  - (a) Jika pinjaman siswa itu diambil atas nama anggota untuk pengajian suami/isteri dan anak-anak, ansuran pertama bayaran balik pinjaman itu hendaklah bermula tidak lewat sembilan puluh (90) hari dari tarikh

pinjaman dikeluarkan dan ansuran-ansuran berikutnya jatuh setiap bulan selepas itu sehingga selesai dalam sepuluh kali bayaran.

- (a) Jika pinjaman siswa itu diambil atas nama anggota untuk pengajian anggota itu sendiri, ansuran bayaran balik pinjaman itu hendaklah dimulakan dalam masa tiga bulan selepas tamat pengajian dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh lima belas kali bayaran menerusi potongan gaji bulanan anggota.
- (b) Lembaga boleh meminda tempoh dan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman siswa mengikut bidibicara dari semasa ke semasa.

#### **PENJAMIN-PENJAMIN PINJAMAN SISWA**

- 10. (a) Setiap pinjaman siswa hendaklah dijamin oleh dua orang penjamin yang kedua-duanya terdiri daripada anggota Koperasi yang berumur tidak lebih lima puluh (50) tahun. Penjamin-penjamin bagi sesuatu pinjaman itu hendaklah bersama-sama dan berasingan menanggung akan membayar hutang kalau orang yang berhutang itu tidak menepati janjinya menyelesaikan hutang atau orang yang berhutang itu mati sebelum selesai hutang.
- (c) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan penjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan.

#### **WANG PINJAMAN SISWA TIDAK AKAN DIKELUARKAN**

- 11. (a) Wang pinjaman siswa tidak boleh dikeluarkan kepada peminjamnya selagi surat perjanjian tidak disempurnakan dan sehingga surat perjanjian tersebut diserahkan kepada pihak Koperasi. Semua perbelanjaan untuk mengesahkan surat perjanjian itu hendaklah ditanggung oleh peminjam.
- (b) Lembaga berhak menentukan bentuk dan kandungan surat perjanjian hutang atau bon pinjaman dari semasa ke semasa mengikut keperluan Koperasi.

#### **KOS PERKHIDMATAN PINJAMAN DERMASISWA**

- 12. Anggota Koperasi yang membuat bayaran balik pinjaman siswa secara ansuran bulanan menerusi potongan gaji dikehendaki membayar wang khidmat pungutan sebanyak satu peratus daripada jumlah pinjaman dan hendaklah dijelaskan pada masa wang pinjaman dermasiswa itu diserahkan kepadanya.

#### **TA'WIDH(PAMPASAN)**

- 13. Peminjam atau sipenerima hendaklah membayar kepada Koperasi dalam bentuk ta'widh(pampasan) di atas sebarang kelewatan bagi sebarang bayaran, sejumlah amaun bersamaan satu peratus (1%) sebulan berdasarkan amaun yang tertunggak daripada tarikh amaun tertunggak itu hinggalah tarikh penyelesaian sepenuh dan akhirnya atau amaun yang lain yang akan diputuskan oleh Lembaga.

#### **DERMASISWA**

- 14. Koperasi ini boleh menawarkan hadiah-hadiah dorongan dalam bentuk wang atau bukan wang kepada anak-anak anggota yang memperolehi kejayaan cemerlang dalam peperiksaan-peperiksaan awam di peringkat persekolahan menengah dan peperiksaan akhir program matrikulasi. Ukuran cemerlang bagi sesuatu peperiksaan dalam kategori hadiah dorongan ini ialah memperolehi keputusan tertinggi sekali dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan itu atau mengikut budibicara Lembaga. Keterangan penuh mengenai hadiah-hadiah ini terkandung dalam iklan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Dermasiswa yang boleh berbeza dari setahun ke setahun.

## **KELAYAKAN MEMOHON PINJAMAN SISWA DAN DERMASISWA**

15. Permohonan dermasiswa adalah terbuka kepada semua anggota Koperasi yang berkelayakan bagi pihak anak-anak mereka bagi sesuatu tahun kewangan tertakluk kepada-
- (c) Keanggotaan dalam koperasi ini berterusan sekurang-kurangnya lima (5) tahun;
  - (d) Lulus dengan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Diploma daripada mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan.
  - (e) Diterima masuk ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta
  - (f) Keutamaan akan diberi kepada permohonan daripada anggota-anggota yang berpendapatan rendah dan ramai tanggungan.

## **CARA MEMOHON PINJAMAN SISWA DAN DERMASISWA**

16. (a) Iklan tawaran untuk pinjaman dermasiswa akan dikeluarkan pada bulan Jun dan Disember setiap tahun manakala dermasiswa pula pada bulan Jun melalui papan kenyataan atau buku laporan tahunan Koperasi.
- (b) Semua permohonan pinjaman siswa dan dermasiswa hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat Koperasi mengikut tarikh yang tersebut dalam iklan.
- (c) Borang permohonan yang lengkap beserta salinan surat tawaran masuk, keputusan peperiksaan dan sebagainya hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Koperasi sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh tutup iklan. Sekiranya pada tarikh tutup iklan itu, dokumen untuk lampiran bersama borang permohonan yang diperlukan belum lagi ada, pemohon bolehlah mengirinkan borang permohonan dahulu dan disusuli kemudian dengan salinan-salinan dokumen yang diperlukan itu.

## **PINDAAN**

17. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-Peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan mesyuarat agung dan Suruhanjaya boleh meminda sebarang peruntukan dalam mana-mana aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan kumpulan wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim) (Hj Abd Rahman b Hj Ismail) (Hj Munir b Badrul Jamil)  
Pengerusi Anggota Lembaga Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG DERMA KEMATIAN**

**1. TAJUK**

- (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Derma Kematian Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-
  - (a) ‘Koperasi’ bermakna Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
  - (b) ‘Lembaga’ bermakna badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
  - (c) ‘Pekerja’ bermakna kakitangan yang menjalankan tugas-tugas dan dibayar gaji oleh Koperasi ini dan telah disahkan dalam jawatannya.
  - (d) ‘Mesyuarat agung’ bermakna mesyuarat agung tahunan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
  - (e) ‘Akta’ maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (f) ‘anggota’ termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (g) ‘aturan-aturan’ maknanya aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung;
  - (h) ‘Peraturan’ maknanya Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (i) ‘Suruhanjaya’ maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (j) ‘Undang-undang kecil’ maknanya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (k) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**3. TUJUAN**

- (a) Merancang, mengawal dan menjalankan segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang ini, dan

- (b) Mengumpul wang dan menderma kepada anggota, tanggungan anggota, pekerja Koperasi dan tanggungan pekerja Koperasi yang meninggal dunia melalui waris masing-masing.

#### **4. SUMBER KEWANGAN**

- (a) (i) Tiap-tiap tahun sejumlah wang RM10,000.00 (minima) akan diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Derma Kematian Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad daripada keuntungan bersih selepas ditolak pembahagian berkanun dan setelah diluluskan oleh mesyuarat agung Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini akan digunakan bagi Derma Kematian. Lembaga boleh meminda jumlah peruntukkan tahunan yang sesuai selaras dengan kedudukan kewangan ke dalam Kumpulan Wang Derma Kematian.
- (ii) Setiap anggota dan pekerja Koperasi ini diwajibkan menyumbang secara bulanan kepada Kumpulan Wang Derma Kematian ini sebanyak RM10.00 seorang atau sekaligus RM120.00 melalui potongan gaji bulanan.
- (b) Sumbangan terus yang diterima daripada pihak luar.

#### **5. PENTADBIRAN**

- (a) Derma Kematian ini akan dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang akan dilantik oleh Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad menurut undang-undang kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini.
- (b) Semua dana Kumpulan Wang Derma Kematian akan disenggara dalam satu akaun bank berasingan. Cek-cek akan ditandatangani oleh pegawai Koperasi yang diberi kuasa oleh Lembaga.

#### **6. PELABURAN**

Lembaga boleh melaburkan semua atau sebahagian dana dari Kumpulan Wang ini dari semasa ke semasa untuk perniagaan dan pelaburan yang menguntungkan tertakluk kepada undang-undang kecil, Akta dan peraturan dan apa-apa keuntungan daripada pelaburan tersebut akan dijadikan sebahagian dana Kumpulan Wang ini.

#### **7. KELAYAKAN**

- (a) Kumpulan Wang Derma Kematian ini akan digunakan bagi membayar derma kematian kepada yang layak seperti berikut:-
  - (i) Anggota dan pekerja Koperasi;
  - (ii) Isteri atau suami anggota dan pekerja Koperasi; (Isteri dalam konteks ini ialah isteri pertama sahaja)
  - (iii) Anak tanggungan anggota dan pekerja Koperasi yang belum berkahwin (berumur di bawah 18 tahun; atau berumur lebih 18 tahun) dan masih menerima pendidikan sepenuh masa atau latihan dalam pengajian atau profesion atau hilang upaya;
  - (iv) Ibu dan bapa anggota dan pekerja Koperasi.

- (b) Anggota-anggota dan pekerja Koperasi yang gagal memberikan sumbangan sepertimana perenggan 4 (a)(ii) di atas adalah tidak layak mendapat manfaat daripada Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.
- (c) Lembaga boleh menggunakan budibicaranya untuk menentukan kelayakan khairat yang diperlukan.

5.

## 8. KADAR BAYARAN DERMA

(a) Pembayaran derma kematian akan dibuat mengikut ketetapan berikut:-

(i)	Anggota dan pekerja Koperasi	RM12,000.00
(ii)	Isteri atau suami anggota dan pekerja Koperasi	RM 2,000.00
(iii)	Anak tanggungan anggota dan pekerja Koperasi	RM 500.00
(iv)	Ibu dan bapa anggota dan pekerja Koperasi	RM 500.00

(b) Jika seorang anggota atau pekerja meninggal dunia, pembayaran derma akan dibuat setelah ditolak semua hutang dengan Koperasi ini dan baki, jika ada akan dibayar kepada penama atau mana-mana orang atau badan yang diluluskan layak oleh Lembaga.

(c) Kadar bayaran tersebut di atas adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan jumlah khairat yang muktamad. Bagi tujuan ini, Lembaga boleh membuat dasar yang munasabah untuk keadilan kepada pencarum.

## 9. CARA TUNTUTAN

- (a) Semua tuntutan bagi pembayaran dari Kumpulan Wang ini hendaklah dibuat oleh anggota, pekerja Koperasi, penama atau wakil si mati yang sah di atas borang yang telah disediakan oleh Lembaga.
- (b) Tiap-tiap tuntutan mestilah disertakan bersama Sijil Asal Kematian anggota atau tanggungan anggota atau pekerja Koperasi tersebut. Semua tuntutan yang bersangkutan dengan ini tidak dibayar lagi selepas dari enam (6) bulan anggota dan pekerja Koperasi atau tanggungannya meninggal dunia.
- (c) Jika Sijil Asal Kematian hilang atau rosak atau berada di luar negeri, salinan sijil kematian boleh diterima dengan syarat ia telah disahkan oleh Majikan atau Pengerusi JKKK atau Penghulu atau Anggota Lembaga atau Pengurus Koperasi.
- (d) Bagi tuntutan bertindih atas kematian bapa atau ibu oleh beberapa orang anggota, satu salinan kad pengenalan, surat nikah dan surat beranak yang telah disahkan oleh Majikan atau Pengerusi JKKK atau Penghulu atau Anggota Lembaga atau Pengurus Koperasi perlu dikemukakan sebagai pengesahan sangkutan.

## 10. TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

## 11. AUDIT

Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain Koperasi ini setahun sekali.

## 12. MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG

Lembaga akan membuat laporan tahunan Kumpulan Wang ini serta dengan penyata akaun untuk maklumat anggota-anggota Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini.

## 13. TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## 14. PERKARA LUAR JANGKA

Jika terjadi peperangan, kekacauan, rusuhan, taun atau kejadian yang tidak disangka-sangka atau kekurangan wang disebabkan terlalu banyak tuntutan di dalam mana-mana satu tahun, atau kerana difikirkan berfaedah kepada Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini, maka bolehlah Lembaga menggantungkan perjalanan Kumpulan Wang ini dengan kebenaran Suruhanjaya sehingga mesyuarat agung yang akan datang bagi mendapat apa-apa keputusan. Sebarang pembayaran dari Kumpulan Wang ini tidak akan dibuat dalam masa penggantungan dan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dalam masa ini.

## 15. PENGGANTUNGAN KUMPULAN WANG

Mana-mana penama, atau wakil si mati yang sah tidak berhak membuat sebarang tuntutan di atas Kumpulan Wang ini jika Lembaga dengan kebenaran Suruhanjaya telah memutuskan: -

- (a) Tidak akan menjalankan Kumpulan Wang ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

ATAU

- (b) Memberhentikan perjalanan Kumpulan Wang ini.

## 16. PINDAAN KEPADA ATURAN

- (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

Diluluskan oleh  
Mesyuarat Agung  
pada 28-6-2008

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN SIMPANAN KHAS ANGGOTA**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Simpanan Khas Anggota Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Simpanan Khas Anggota ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Aturan-aturan” ertinya Aturan-aturan Simpanan Khas Anggota Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
  - (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Koperasi’ atau “Koperasi ini’ ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (d) “Lembaga” ertinya pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Simpanan Khas Anggota” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dalam Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan itu untuk sesuatu maksud yang dinyatakan, tertakluk maksud yang dinyatakan, yang dibenarkan di bawah Peraturan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;
  - (f) ‘Undang-undang kecil’ ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (g) “Wang Berlebihan’ ertinya wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan aktiviti-aktiviti perniagaannya sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
  - (h) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**SIMPANAN KHAS OLEH SEMUA ANGGOTA**

3. Menurut perkara 61 undang-undang kecil, Koperasi boleh menerima simpanan khas tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat mengikut fasal (4) undang-undang kecil 9. Bagi tujuan tersebut semua anggota Koperasi boleh menyimpan tidak kurang RM10.00 (Ringgit Malaysia sepuluh sahaja) sebulan pada tiap-tiap

bulan sebagai simpanan khas masing-masing di dalam Koperasi ini. Simpanan boleh dibuat melalui potongan gaji bulanan atau pun secara tunai.

#### **MENAMBAH ATAU MENGURANGKAN DEPOSIT BULANAN**

4. Anggota-anggota digalakkan menambah deposit bulanan untuk akaun simpanan khas anggota dalam Koperasi ini dari semasa ke semasa dan boleh mengurangkannya sehingga tidak lebih daripada sebanyak yang dinyatakan dalam perkara 3 Aturan, dan permohonan berbuat demikian hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Koperasi tiga bulan sebelum tarikh perubahan dikehendaki.

#### **DIVIDEN DIKREDITKAN KE AKAUN SIMPANAN KHAS ANGGOTA**

5. Dividen yang dibayar atas modal yuran kepunyaan tiap-tiap anggota hendaklah dikreditkan ke akaun simpanan khas anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam selepas tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 66.
6. Anggota-anggota boleh mengeluarkan wang dari akaun simpanan khas masing-masing untuk suatu maksud yang dinyatakan dan pengeluaran wang yang berkaitan dengan tujuan-tujuan berikut hendaklah dibenarkan -
  - (a) perbelanjaan pendidikan untuk diri anggota, suami/isteri dan/atau anak-anak;
  - (b) perbelanjaan rawatan sakit untuk diri anggota, suami/isteri, anak-anak dan ahli-ahli keluarga terdekat;
  - (c) perbelanjaan untuk meningkatkan keperluan, kemudahan dan keselesaan hidup anggota sekeluarga;
  - (d) perbelanjaan untuk perkahwinan anggota dan tanggungan-tanggungan anggota;
  - (e) perbelanjaan menyelenggara pengkebumian tanggungan-tanggungan anggota;
  - (f) perbelanjaan yang bersangkutan dengan agama seperti mengerjakan haji dan umrah; dan
  - (g) perbelanjaan untuk berbakti kepada ibu bapa.

#### **SYARAT-SYARAT PENGELUARAN WANG**

7. Pengeluaran wang dari akaun simpanan khas anggota menurut peruntukan dalam perkara 6 aturan tertakluk kepada syarat-syarat -
  - (a) pengeluaran pertama tidak boleh dilakukan hingga setelah genap dua belas (12) bulan anggota memasukkan deposit bulanan ke dalam akaun simpanan khasnya.
  - (b) pengeluaran boleh dibuat pada bila-bila masa tetapi tidak boleh lebih dua kali sesuatu tahun kewangan Koperasi; dan
  - (c) baki sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia lima puluh sahaja) hendaklah sentiasa ada dalam akaun simpanan khas anggota sepanjang masa.

#### **KUASA MELULUSKAN PENGELUARAN WANG**

8. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari yang diberi kuasa oleh Lembaga boleh meluluskan permohonan mengeluarkan wang dari akaun simpanan khas seseorang anggota dan hendaklah dibentangkan kepada Lembaga dalam mesyuarat bulanan Lembaga yang terawal selepas kelulusan-kelulusan itu. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah melantik di kalangan anggota Lembaga untuk menjalankan tugas ini dalam masa ketiadaan salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya.

#### **PENYELESAIAN WANG ANGGOTA**

9. a) Seseorang yang terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini berhaklah baginya menerima balik wang yang ada dalam akaun simpanan khasnya menurut peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil 24.

- b) Jika seseorang anggota meninggal dunia, pembayaran simpanan khas, jika ada akan dibuat setelah ditolak semua hutang dengan Koperasi ini dan baki, jika ada akan dibayar kepada penama atau mana-mana orang atau badan yang diluluskan layak oleh Lembaga.

#### **PULANGAN**

10. (1) Pulangan atas simpanan khas anggota boleh diberikan menurut kadar yang diluluskan oleh Lembaga. Pulangan ini hendaklah dikreditkan ke dalam akaun simpanan khas anggota.
- (2) Perkiraan bagi pulangan ke atas simpanan khas anggota hendaklah dibuat berasaskan baki terendah dalam akaun teraudit bagi sesuatu tahun kewangan berkenaan.

#### **AKAUN DAN PENYATA AKAUN**

11. Koperasi hendaklah menyenggarakan akaun yang teratur bagi simpanan khas setiap anggota, menyimpannya dengan selamat dan mudah dirujuk. Penyata simpanan khas anggota yang mengandungi butiran wang masuk dan wang keluar bagi setiap anggota hendaklah disedia dan disampaikan dua kali setahun kepada anggota untuk menunjukkan kedudukan akaun masing-masing seperti yang ada pada tiga puluh haribulan Jun dan tiga puluh satu haribulan Disember.

#### **PINDAAN-PINDAAN**

12. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan akaun ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

Diluluskan oleh  
Mesyuarat Agung  
pada 28-6-2008

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG GANJARAN PEKERJA**

**1. TAJUK**

- (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**2. TUJUAN**

Tujuan Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja ini (selepas ini disebut “Kumpulan Wang ini”) diwujudkan ialah untuk:-

- (a) merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang ini; dan
- (b) mengumpulkan wang dan memberikan ganjaran kepada pekerja yang layak di bawah aturan ini.

**3. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini, kecuali jika ada sesuatu perkara atau perkataan atau ayat yang berkehendakkan pengertian yang lain, maka:-

- (a) “Gaji” maknanya gaji pokok.
- (b) “Pekerja” maknanya sesiapa yang dibayar gaji dan berjawatan tetap di Koperasi ini yang dilantik di bawah undang-undang kecil 44(2)(e) dan (p).
- (c) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**4. SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini adalah diperolehi dan diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan mengikut undang-undang kecil 65(2)(f).

**5. PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga atau Jawatankuasa yang dilantik olehnya di bawah undang-undang kecil 44(2)(v).

## **6. PELABURAN**

- (1) Lembaga boleh apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Kumpulan Wang ini dalam saham-saham swasta atau awam, bon-bon Kerajaan atau mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen dengan persetujuan Suruhanjaya.
- (2) Apa-apa pulangan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan Kumpulan Wang ini atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Kumpulan Wang.
- (3) Tanpa menghiraukan peruntukan di aturan 6(2) di atas, Lembaga berkuasa memindahkan sebahagian atau semua pulangan dari pelaburan wang Kumpulan Wang ini ke dalam akaun untung rugi Koperasi ini.

## **7. KELAYAKAN PEKERJA**

- (1) Kemudahan ganjaran ini adalah terbuka kepada seseorang pekerja yang telah berkhidmat dengan Koperasi ini dengan tidak terputus-putus selama tidak kurang daripada lima (5) tahun, dan;
  - (a) meninggal dunia semasa masih berkhidmat dengan Koperasi ini; atau
  - (b) bersara daripada perkhidmatannya di Koperasi ini apabila cukup umur enam puluh (60) tahun atau bersara pilihan apabila genap umur lima puluh (50) tahun atau tempoh yang ditentukan oleh Lembaga Koperasi ini, atau;
  - (c) diberhentikan oleh Koperasi ini kerana:-
    - (i) sakit dengan mendapat akuan Lembaga Perubatan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang doktor berdaftar yang dilantik oleh Koperasi ini; atau
    - (ii) hendak mengurangkan kakitangan pejabat.
- (2) Seseorang pekerja itu tidak layak menerima ganjaran dari Kumpulan Wang ini jika;
  - (a) meletakkan jawatannya dengan sukarela daripada berkhidmat dengan Koperasi; atau
  - (b) telah diberhentikan daripada jawatannya oleh Koperasi ini disebabkan oleh tindakan tatatertib buang kerja;
- (3) Tiada seorang pun pekerja Koperasi ini atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang berhak menuntut sebagai haknya apa-apa faedah dari Kumpulan Wang ini.
- (4) Keputusan Lembaga mengenai apa-apa perkara di bawah Kumpulan Wang ini adalah muktamad.

## **8. KADAR BAYARAN**

- (1) Jika seseorang pekerja itu telah berkhidmat dengan Koperasi ini dengan tidak terputus-putus selama tidak kurang daripada lima (5) tahun maka ganjarannya hendaklah dikira berdasarkan faktor  $1/20$  daripada gaji akhir bulanan bagi tiap-tiap genap sebulan tempoh perkhidmatan pekerja itu yang berasaskan kepada aturan 8(2) di bawah.

- (2) Bagi maksud pengiraan tempoh perkhidmatan hendaklah dikira dari tarikh ia bekerja hingga ke tarikh tamat perkhidmatannya di Koperasi ini atau sehingga pekerja itu mencapai umur bersara enam puluh (60) tahun atau had umur persaraan yang ditentukan oleh Lembaga mengikut mana yang datang dahulu.
- (3) Lembaga boleh menggunakan Kumpulan Wang ini bagi membayar saguhati pekerja yang meletakkan jawatannya menurut fasal 7(2)(a) atau bersara pilihan sendiri dengan yang ditentukan oleh Lembaga selaras dengan Skim Perkhidmatan Pekerja Koperasi ini.
- (4) Kadar bayaran boleh dipinda oleh Koperasi ini dari semasa ke semasa.

## **9. CARA PEMBAYARAN**

- (1) Ganjaran hendaklah dibayar kepada seseorang pekerja atau wakilnya itu di dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh berlakunya salah satu perkara di aturan 7(1) dan 7(2).
- (2) Jika seseorang pekerja meninggal dunia semasa masih berkhidmat atau setelah berhenti daripada perkhidmatannya tetapi belum menerima ganjarannya, maka ganjaran itu hendaklah dibayar kepada wakilnya yang sah dari segi undang-undang.
- (3) Jika kedudukan kewangan Kumpulan wang ini tidak mengizinkan bayaran dibuat sepenuhnya, maka Lembaga berhak membayar secara berperingkat-peringkat sejumlah wang yang patut dibayar kepada sebarang pekerja atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang menurut aturan 8(1).

## **10. TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

## **11. AUDIT**

Akaun Kumpulan wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain Koperasi ini setahun sekali.

## **12. MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG**

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung tahunan, laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan wang ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

## **13. TAKRIF**

Jika timbul sebarang perbezaan takrif aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## **14. PINDAAN KEPADA ATURAN**

- (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AR RAHNU**

**TAJUK**

1. (1) Aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Ar Rahnu (Pajak Gadai Islam) Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Dalam aturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Koperasi” ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad
  - (b) “Ar Rahnu” ertinya institusi yang menjalankan perniagaan pajak gadai secara Islam.
  - (c) “pemajak gadai atau penggadai” ertinya seseorang yang menyerahkan sesuatu barang sebagai sandaran untuk memperoleh pinjaman kewangan dari Ar Rahnu.
  - (d) “marhun” ertinya barang yang diperbuat daripada emas di mana kandungan emas tulin melebihi 75%.
  - (e) “Lembaga” ertinya Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
  - (f) “sandaran” ertinya apa-apa barang yang dipajak gadaikan kepada Ar Rahnu.
  - (g) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**TUJUAN**

3. (a) Ar Rahnu diwujudkan adalah untuk membolehkan Koperasi memberi perkhidmatan dan faedah kepada anggota-anggotanya dan juga seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan perkhidmatan pajak gadai atas landasan yang selari dan sesuai dengan syariat Islam.
- (b) Ar Rahnu juga memberi perkhidmatan penyimpanan barang kemas mengikut syarat-syarat dan tempoh yang akan ditentukan oleh Lembaga.

**KONSEP**

4. Konsep sistem Ar Rahnu ialah seperti berikut:-
  - (a) Ar Rahnu ialah satu sistem pajak gadai di mana hutang berkenaan dengan pinjaman tersebut dijamin oleh si penerima pinjaman dengan memberi marhun sebagai sandaran kepada si pemberi pinjaman itu.

- (b) Sistem yang diamalkan ini berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang dibenarkan oleh syariat Islam.
- (c) Mengikut sistem ini sipemajak gadai berhak untuk menebus barang yang dipajak gadai itu.
- (d) Bayaran yang berbentuk upah dikenakan di atas barang emas yang dijaga/disimpan oleh Ar Rahnu.
- (e) Untuk melindungi kepentingan pemajak gadai dan Ar Rahnu beberapa peruntukan tertentu telah dimasukkan ke dalam aturan ini.

#### **KELAYAKAN MEMAJAK GADAI**

- 5. Kemudahan-kemudahan memajak gadai terbuka kepada anggota Koperasi dan juga seluruh rakyat Malaysia.

#### **SANDARAN**

- 6. Hanya marhun sahaja yang boleh diterima sebagai sandaran kepada gadaian.

#### **KESAHIHAN HAKMILIK**

- 7. Penggadai adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas kesahihan milik marhun yang digadai dan jika ada pihak ketiga yang menuntut hak milik marhun berkenaan, maka pihak Ar Rahnu tidak akan bertanggungjawab dan pihak Ar Rahnu boleh menuntut kerugian yang dialami daripada pihak penggadai.

#### **HAD PINJAMAN**

- 8. Amaun pinjaman yang boleh diberikan hendaklah tidak lebih daripada 80% daripada nilai emas semasa yang dipajak gadai, tertakluk kepada maksima sebanyak RM15,000.00 (Ringgit Malaysia lima belas ribu sahaja). Ar Rahnu berhak mengurangkan had maksima ini dalam keadaan yang difikirkan munasabah.

#### **TEMPOH PAJAK GADAI**

- 9. Tempoh pajak gadaian ialah enam bulan tetapi penggadai boleh memohon untuk timbangan lanjutan tempoh tambahan yang tidak melebihi empat bulan dengan syarat ia membayar semua upah bagi tempoh telah lanjut.

#### **UPAH**

- 10. Upah simpan akan ditentukan seperti berikut:-
  - (a) Bayaran upah simpan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Ar-Rahnu mengikut keadaan semasa.
  - (b) Bagi marhun yang dilelong, upah simpan yang dikenakan adalah bermula dari tarikh gadai hingga tarikh lelong.
  - (c) Bayaran upah simpan atas barang kemas yang disimpan tanpa pinjaman pula akan ditentukan oleh Lembaga mengikut keperluan Koperasi.

#### **BAYARAN PENTADBIRAN**

- 11. Tiap-tiap urusan pajak gadai akan dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak RM1.00 (Ringgit Malaysia satu sahaja).

#### **PERATURAN MEMAJAK GADAI**

- 12. Peraturan-peraturan memajak gadai adalah seperti berikut:-

- (a) Tiap-tiap pemajak gadai yang hendak mengendalikan urusan pajak gadai perlu menyerahkan marhun serta kad pengenalan kepada teller di kaunter jualan.
- (b) Marhun yang diserahkan akan dinilai harganya oleh penilai Ar Rahnu mengikut harga semasa emas.
- (c) Pemajak gadai berhak mendapat harga hanya sebanyak tidak lebih daripada lapan puluh peratus (80%) daripada nilai marhun tertakluk kepada aturan 8.
- (d) Dalam menentukan nilai harga marhun batu permata seperti berlian, delima, zamrud dan lain-lain jenis batu permata tidak diambil kira.
- (e) Nilai harga marhun yang ditetapkan oleh penilai Ar Rahnu adalah muktamad.
- (f) Setelah amaun pinjaman dipersetujui oleh pemajak gadai dan Ar Rahnu, dan ijab kabul disempurnakan, pemajak gadai akan diberi satu Surat Gadai/Surat sambung gadai yang dimaksudkan di sini adalah seperti Contoh di lampiran 1A dan 1B.
- (g) Surat Gadai hendaklah disimpan untuk tujuan menebus; jika hilang atau terbakar atau rosak yang menyebabkannya tidak boleh dibaca, pemajak gadai hendaklah melaporkan kepada Ar Rahnu. Ar Rahnu akan mengeluarkan Salinan Surat Gadai dan dicaj sebanyak RM5.00 bagi cetakan semula bagi setiap satu(1) Salinan dan akan dikenakan k etas Pemajak Gadai.
- (h) Jika mana-mana sandaran (marhun) hilang atau rosak akibat kebakaran, jumlah pampasan adalah satu per empat melebihi daripada jumlah hutang atau jumlah sebenar insurans yang diperolehi.

#### **PERATURAN MENEBUS GADAIAN**

13. Peraturan-peraturan menebus pajak gadaian marhun adalah seperti berikut:-

- (a) Pemajak gadai adalah berhak menebus marhunnya bila-bila masa sebelum tempoh enam (6) bulan atau mana-mana tempoh tambahan yang diberi oleh Ar Rahnu tamat.
- (b) Pemajak gadai juga boleh membayar balik pinjaman atas gadaian secara ansuran bulanan sebelum tarikh tebus.
- (c) Pemajak gadai hendaklah menyerahkan Surat Gadai di kaunter tebusgadai untuk disemak kesahihannya sebelum marhun ditebus.
- (d) Apabila urusan tebusgadai selesai pemajak gadai akan diberi resit tebusgadai. Resit tersebut adalah seperti contoh di lampiran III.
- (e) Mana-mana pemajak gadai yang tidak berupaya untuk hadir sendiri bagi menebus gadai marhunnya di atas sebab-sebab yang munasabah ia bolehlah melantik seorang wakil untuk membuat demikian dengan mengisi borang wakil tebus untuk berbuat demikian dan satu surat sumpah yang sempurna ditandatangani oleh PesuruhJaya Sumpah. Borang wakil tebus yang dimaksudkan adalah seperti contoh dilampiran IIC..
- (f) Jika pemajak gadai telah meninggal dunia, warisnya bolehlah menebus gadaian balik marhun dengan syarat ia mengemukakan Surat Mentadbir pesaka pemajak gadai berkenaan.

#### **LELONGAN**

14. Peraturan-peraturan perlelongan adalah seperti berikut:-

- (a) Jika pemajak gadai tidak menebus marhunnya setelah tempohnya tamat, maka Ar Rahnu berhak melelong marhun berkenaan.
- (b) Lelongan akan dilakukan oleh pelelong yang berlesen mengikut peraturan biasa.
- (c) Sebelum tindakan melelong diambil, pemajak gadai akan diberi Notis secara bertulis mengenai tindakan ini untuk diberi peluang menebus marhunnya. Notis tersebut adalah seperti contoh di lampiran IV.
- (d) Satu iklan mengenai perlelongan tersebut juga akan dikeluarkan di surat khabar tempatan bagi pengetahuan pemajak gadai berkenaan. Iklan tersebut adalah seperti contoh di lampiran V.
- (e) Jika tidak ada penebusan dilakukan selepas dua minggu dan tarikh notis subseksyen 14(c) di atas, lelongan akan dijalankan.
- (f) Harga lelongan marhun tersebut akan dimulakan dengan satu amaun yang tidak kurang daripada harga semasa bagi emas terpakai.
- (g) Wang hasil dari lelongan akan digunakan untuk membayar amaun yang terhutang, kos lelongan dan lain-lain kos, jika ada, dan bakinya perlu dituntut oleh pemajak gadai sejurus menerima notis menuntut lebihan wang lelongan. Wang hasil dari lelongan yang tidak dituntut selepas ditolak kos yang tersebut di atas melebihi tempoh dua(2) tahun akan dihantar kepada Kumpulan Wang Tidak Dituntut, Akauntan Negara Malaysia. Notis yang dimaksudkan di sini adalah seperti contoh di lampiran VI.
- (h) Tuntutan wang lebihan dari lelongan akan diuruskan melalui Baucer Wang Baki Lelong. Baucer yang dimaksudkan di sini adalah seperti Contoh di lampiran VII.
- (i) Pemajak gadai adalah berhak untuk memeriksa rekod lelongan dan penyata kewangan berkenaan dengannya.

#### **TANGGUNGJAWAB AR RAHNU**

15. Ar Rahnu mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas kerahsiaan urusan niaga dan keselamatan marhun termasuk mengambil perlindungan insuran yang secukupnya semasa marhun itu berada dalam simpanannya.

#### **PENGURUSAN AR RAHNU**

16. Pengelolaan hal ehwal Ar Rahnu dijalankan oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga seperti berikut:-
- (a) Keahlian Jawatankuasa Ar Rahnu adalah seperti berikut
    - (i) Seorang pengerusi yang dilantik dari kalangan anggota-anggota Lembaga;
    - (ii) Empat orang ahli atau lebih boleh dilantik dari kalangan anggota Lembaga, anggota biasa dan wakil pendeposit(penyumbang modal luaran).
  - (b) Pegawai atau kakitangan Ar Rahnu tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Ar Rahnu.
  - (c) Tempoh memegang jawatan ahli Jawatankuasa Ar Rahnu adalah seperti berikut:-
    - (i) Tertakluk kepada perenggan (ii) Aturan Kecil ini semua ahli Jawatankuasa Ar Rahnu akan memegang jawatan selama 3 tahun melainkan keahliannya ditamatkan lebih awal oleh pihak yang berkuasa melantiknya.
    - (ii) Ahli Jawatankuasa Ar Rahnu yang dilantik akan mengosongkan jawatannya selepas tamat tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

- (iii) Ahli Jawatankuasa daripada wakil pendeposit (penyumbang modal luaran) gugur keahlian secara automatik apabila modal dikeluarkan daripada Ar Rahnu.
- (d) Jawatankuasa Ar Rahnu adalah diberi kuasa untuk melantik atau menamatkan perkhidmatan pegawai dan kakitangan Ar Rahnu mengikut pertimbangan dan keperluannya.

## **MODAL**

17. Hal-ehwal Ar Rahnu bersabit dengan modal adalah seperti berikut:-

- (a) Modal untuk menjalankan perniagaan hendaklah datang dari Koperasi atau pendeposit luaran secara usahasama.
- (b) Sekiranya perlu modal bolehlah disumbangkan oleh anggota Koperasi secara Simpanan Khas mengikut peruntukan undang-undang kecil Koperasi.
- (c) Sumbangan modal atau simpanan oleh Koperasi, anggota Koperasi atau pihak luar untuk tujuan ini akan dimasukkan ke dalam satu dana khas yang dinamakan Dana Khas Ar Rahnu.
- (d) Simpanan Khas ini diterima berlandaskan hukum Al Mudharabah.
- (e) Konsep dan operasi Al Mudharabah adalah seperti yang ditetapkan dalam JADUAL 1 kepada aturan ini.

## **AKAUN**

18. Hal ehwal akaun Dana Ar Rahnu adalah seperti berikut:-

- (a) Dana Ar Rahnu akan diuruskan melalui satu akaun bank yang khusus.
- (b) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Ar Rahnu hendaklah dibayar dari akaun ini.
- (c) Akaun bank bagi Dana Ar Rahnu akan diuruskan oleh orang yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Ar Rahnu.

## **TAHUN KEWANGAN**

19. Tahun kewangan bagi Dana Ar Rahnu hendaklah mengikut tahun kewangan bagi Koperasi.

## **AUDIT**

20. Pengauditan Dana Ar Rahnu adalah seperti berikut:-

- (a) Pengauditan akaun tahunan Dana Ar Rahnu hendaklah dibuat oleh Juruaudit yang dilantik oleh Lembaga.
- (b) Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi diberi tanggungjawab memeriksa segala rekod dan perakaunan Dana Ar Rahnu tersebut.

## **PENGAGIHAN KEUNTUNGAN**

21. Pengagihan untung bersih yang diperolehi dari Ar Rahnu akan dibahagikan kepada Koperasi atau anggota Koperasi atau pihak luar yang membuat Simpanan Khas sebagai dividen berdasarkan amaun yang disumbang sebagai Simpanan Khas mereka.

## **IMPLIKASI**

22. Aturan ini dibuat hanya untuk tujuan mengendalikan operasi Ar Rahnū. Anggota Koperasi adalah dianggapkan memahami segala implikasi yang timbul dari pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan ini.

## **NOTIS**

23. Semua notis berkaitan akan dihantar oleh Koperasi kepada alamat terakhir pemajak gadai seperti tercatat dalam Surat Gadaian. Adalah menjadi tanggungjawab pemajak gadai untuk memaklumkan sebarang perubahan alamat dengan segera kepada Koperasi.

## **PENAMA**

24. Jika berlaku kematian pemajak gadai, barang gadaian yang ditebus atau lebih lelongan akan diserahkan kepada penama yang dinyatakan oleh pemajak gadai.

## **PINDAAN**

25. (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan Ar Rahnū ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

LAMPIRAN

Borang AR1

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH**

**Aturan Ar Rahn**

**(Aturan Kecil 17)**

**PERMOHONAN AKAUN SIMPANAN KHAS AR RAHNU**  
**AL-MUDHARABAH(ASKA)**

Pengerusi  
Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah  
No.4, Taman Koperasi Kedah,  
Jalan Tun Razak,  
05200 Alor Star,  
Kedah

Bertarikh:

Tuan,

Saya dengan ini memohon untuk membuka ASKA sebanyak RM.....  
.....(ringgit sahaja). Bersama ini saya juga sertakan wang tunai/Cek  
No:..... sebanyak tersebut.

Saya jua faham bahawa wang modal saya ini akan diterima mengikut konsep Al-Mudharabah.

Yang benar,

Nama Penuh :..... No Kad Pengenalan :.....

Alamat :.....

.....

.....

No Telefon :.....

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**Aturan Ar Rahn**

**(Aturan Kecil 17)**

**SIJIL AKAUN PELABURAN**

NO.....

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**RM..... SIJIL AKAUN PELABURAN Tarikh:.....**

**Tarikh Kuatkuasa:.....**

Diterima pada..... hb.....daripada

.....

Ringgit Malaysia:.....

Bagi Akaun Simpanan Khas Al-Mudharabah untuk tempoh dua belas bulan dengan nisbah pembahagian keuntungan-Pelabur.....% Koperasi.....% tertakluk kepada syarat-syarat di muka sebelah.

No. Akaun:.....

No. Pelaburan:.....

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

.....

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**Aturan Ar Rahn**

**(Aturan Kecil 17)**

**PERMOHONAN MENGELUARKAN ASKA**

Pengerusi  
Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan  
Negeri Kedah Darul Aman Berhad  
No.4, Taman Koperasi Kedah,  
Jalan Tun Razak,  
05200 Alor Star,  
Kedah.

Bertarikh:

Tuan  
Saya dengan ini memohon untuk mengeluarkan ASKA saya sebanyak  
RM.....(.....  
.....ringgit sahaja)

Bersama ini saya serahkan balik Sijil Akaun Pelaburan yang berkenaan.

Yang benar,

Nama Penuh :..... No Kad Pengenalan:.....  
Alamat :.....  
.....  
.....  
No Telefon :.....

**SURAT GADAI****KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK,  
05200 ALOR STAR, KEDAH.

NO SIRI:

Waktu Perniagaan	Sabtu-Khamis: 9.30-1.00 tgh 2.15-5.30 ptg	NO SIRI:	JUMLAH HUTANG RM
Tarikh Gadai:	Masa:	Tarikh Cukup Tempoh:	
Nama: Alamat:	Bandar: Poskod:		NILAI MARHUN RM
Bangsa:	Jantina:	Tarikh Lahir:	
Jumlah Cagaran: RM	Nilai Marhun: RM		JUMLAH UPAH RM
Marhun	NAMA BARANG DIGADAI (MARHUN)	Jumlah Berat(gm)	
Pengadai(Rahin):Saya cagarkan barang(marhun) saya di atas kepada tuan untuk hutang(marhun bih) ..... saya sebanyak di atas yang saya terima daripada tuan dengan syarat-syarat yang dipersetujui bersama seperti yang tersebut dibelakang.			TARIKH TEBUS
Pemegang Gadai(Murtahin): Saya terima seperti yang tersebut di atas. Nama:.....			
Saksi(Syahid) :Saya menyaksikan Ijab dan Qabul disempurnakan. Nama: .....			

**AR RAHNU**  
**Sistem Gadaian Islam**

**SURAT SAMBUNG GADAI**

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH KEDAH DARUL AMAN BERHAD  
NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK,  
05200 ALOR STAR, KEDAH.**

Waktu Perniagaan	Sabtu-Khamis: 9.30-1.00 tgh 2.15-5.30 ptg	NO SIRI:
Tarikh Gadai:	Masa:	Tarikh Cukup Tempoh:
Nama: Alamat:	Bandar: Poskod:	
Bangsa:	Jantina:	Tarikh Lahir:
Jumlah Cagaran: RM		No Kad Pengenalan:
Nilai Marhum: RM	Jumlah Berat(gm)	
Marhun	NAMA BARANG DIGADAI (MARHUN)	
Penggadai(Rahin):Saya cagarkan barang(marhun) saya di atas kepada tuan untuk hutang(marhun bih) ..... saya sebanyak di atas yang saya terima daripada tuan dengan syarat-syarat yang dipersetujui bersama seperti yang tersebut dibelakang.		
Pemegang Gadai(Murtahin): Saya terima seperti yang tersebut di atas.  Nama:.....		
Saksi(Syahid) :Saya menyaksikan Ijab dan Qabul disempurnakan.  Nama:.....		

NO SIRI:

JUMLAH HUTANG RM
------------------------

NILAI MARHUN RM
--------------------

JUMLAH UPAH RM
-------------------

TARIKH TEBUS
--------------

**AR RAHNU  
Sistem Gadaian Islam**

ADUAN SURAT GADAI HILANG

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK,  
05200 ALOR STAR, KEDAH.

ADUAN SURAT GADAI HILANG  
-----

NO.SIRI:.....

NAMA PENGGADAI :  
JENIS BARANG :  
BERAT :  
NO K/P :

TARIKH GADAI :  
  
TARIKH LUPUT :  
TARIKH ADUAN :

NOTA :

SEKIRANYA DALAM TEMPOH 1 MINGGU DARI TARIKH ADUAN KEHILANGAN INI  
DIBUAT TUAN TIDAK MENGEMUKAKAN SATU SALINAN SURAT SUMPAH KEPADA  
AR-RAHNU, PIHAK KAMI BERHAK MENERIMA SESIAPA SAHAJA YANG DATANG  
MENEBUS BARANG BERKENAAN JIKA PENUNTUT TERSEBUT MENGEMUKAKAN  
SURAT GADAIAN ASAL.

YANG BENAR

SAYA BERSETUJU DENGAN SYARAT-SYARAT  
BERKENAAN

.....  
T/T PENEBUS

.....  
T/T PENGGADAI

PERHATIAN : -

SURAT INI TIDAK SAH DIJUAL SEBELUM ATAU SELEPAS MEMBUAT SURAT  
SUMPAH

SURAT SUMPAH  
JADUAL

(Seksyen 2)

Saya .....

beralamat.....

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa

*Surat pajak gadai yang bernombor siri                      hari bulan gadai  
hari bulan lelap                      nilai gadai                      barang yang digadai;  
Telah hilang dari simpanan saya.  
Saya telah mencari di merata tempat tapi tidak jumpa.*

dan saya membuat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar -

benarnya diakui oleh yang

tersebut namanya di atas iaitu

.....

di.....

di Negeri.....

pada.....haribulan.....

20.....

Di hadapan saya,

.....  
(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen/  
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)

**SURAT WAKIL**  
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**  
NO 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK,  
05200 ALOR STAR, KEDAH

NAMA : \_\_\_\_\_

ALAMAT : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

Tuan,

**KEBENARAN MENEBUS BARANG GADAIAN**

Perkara di atas dirujuk.

Saya seperti nama dan alamat di atas dengan ini memberi kebenaran kepada wakil dibawah untuk mengambil barang gadaian saya di Ar-rahnu KPPKNK seperti Surat Gadaian berlampir.

**NAMA WAKIL** : \_\_\_\_\_

**NO. KAD PENGENALAN** : \_\_\_\_\_

**HUBUNGAN** : \_\_\_\_\_

Dengan kebenaran ini, saya tidak akan menuntut sebarang kerugian daripada pihak Ar-rahnu sekiranya berlaku kerugian di pihak saya.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Peggadai)

(\*Sila sertakan salinan kad pengenalan penggadai dan wakil\*)

## RESIT TEBUS

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**  
NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK ,05200 ALOR STAR, KEDAH.

**RESIT**

No.

No. Siri :

No. Surat :

Nama :

Tarikh Bayar :

No. K/P :

Tarikh Cagaran :

Tempoh Simpan (Bulan) :

Nama Barang Dipohon :

Perkara	Jumlah RM	Barang RM	Tambahan dipohon RM	Baki RM
Upah Upah Selepas Rebat Harga Surat Baru				
Jumlah	RM	RM	RM	RM

Amaun Diterima : RM

.....  
AR RAHNU

-----  
Disemak

-----  
Marhun Dikeluarkan

-----  
Marhun Diterima

Nota: Marhun tidak boleh dikeluarkan kecuali setelah wang diterima.

**NOTIS LELONG**

-----  
PENULIS DAN PELELONG BERLESEN

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

-----  
Ruj. Kami :

Tarikh :

Ruj. Tuan :

Bersamaan :

KEPADA :

NO. K/P :

PEMBERITAHUAN LELONGAN AWAM (MARHUN)  
BARANG GADAIAN (AR RAHNU)  
JUAL LELONG PADA                      DAN                      MULAI PUKUL                      PAGI

-----  
Tuan/Puan :

Dengan hormatnya kami memberitahu yang mana barang-barang tuan/puan letak gadai, Ar Rahnu akan jual lelong pada hari, waktu dan tarikh yang tersebut di atas.

2. Ar Rahnu memberitahu sebelum daripada tarikh dijual lelong, maka bolehlah tuan/puan datang ke Pejabat Gadai yang tersebut, bagi menebus balik barang-barang yang tersebut.

3. Apabila sampai masa waktu jual lelong tuan/puan tidak juga tebus balik, maka Ar Rahnu berhaklah menjual lelong, oleh Pihak Pelelong yang berlesen.

Sekian, harap maklum..

Tandatangan Pelelong yang berlesen,

.....  
Pelelong yang berlesen  
ALOR SETAR, KEDAH.

**IKLAN LELONG**

**NOTIS LELONGAN MARHUN**

Semua barang-barang cagaran yang telah digadai pada bulan \_\_\_\_\_ atau sebelumnya dan masih tidak dituntut sehingga kini akan dijual dalam perlelongan awam pada \_\_\_\_\_ jam \_\_\_\_ pagi di AR-RAHNU :

---

**(JURULELONG BERLESEN)**

NOTIS LEBIHAN WANG LELONGAN

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**  
NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK ,05200 ALOR STAR, KEDAH.

Kepada,

Tarikh;

Assalamualaikum

Tuan/Puan,

**LEBIHAN WANG LELONGAN BARANG GADAIAN**

No. Surat Gadai :

Tarikh Gadai ;

Merujuk kepada perkara di atas tuan/puan diminta datang ke Ar Rahnu seperti alamat di atas bagi mengambil wang lebihan lelongan barang gadaian tuan/puan yang berjumlah seperti di bawah : -

HARGA JUALAN LELONG

RM :

Tolak :

JUMLAH CAGARAN RM :

UPAH RM:

BELANJA LELONGAN RM:

RM :

-----

LEBIHAN WANG LELONGAN

RM :

=====

Barang gadaian tuan/puan telah dijual di dalam lelongan awam pada Tuan/Puan diminta datang menuntut wang lebihan tersebut tidak lewat dari empat bulan dari tarikh lelongan.

Jika tuan/puan gagal berbuat demikian wang tersebut akan diserahkan kepada Akauntan Negara. (Seksyen 25(1) Akta pemegang Pajak Gadai 1992).

Tuan/Puan diminta membawa kad pengenalan dan surat gadai apabila membuat tuntutan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Catatan : - Tiada tandatangan diperlukan dari pihak Ar Rahnu kerana surat ini dicetak oleh komputer.

BAUCER WANG LEBIHAN

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**  
NO. 4, TAMAN KOPERASI KEDAH,  
JALAN TUN RAZAK,  
05200 ALOR STAR, KEDAH

BAUCER WANG BAKI LELONG

PERKARA : BAKI LELONG PADA 6-12-97

TARIKH GADAI :	NO SIRI :
BAYAR KEPADA :	NO K/P :
@ WAKIL :	NO K/P :
ALAMAT (WAKIL):	
TARIKH BAYAR :	BAYARAN : RM
TANDATANGAN :.....	@ COP JARI:.....
DILULUS OLEH : .....	
PENGURUS AR RAHNU	

Nota : Pastikan No. K/P, Surat Gadai dan Tandatangan. Sila ambil cop jari sekiranya surat gadai hilang/tidak dibawa bersama, manakala wakil diminta tandatangan dan cop jari.

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AL BAI AL INAH**

**NAMA**

1. (1) Aturan-aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Al Bai Al Inah Koperasi Pegawai- Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan satu salinan Aturan-aturan ini dikemukakan kepada Ketua Pendaftar.

**TAFSIRAN**

2. Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-
  - (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (b) 'Al Bai Al Inah' maknanya perjanjian jual beli aset tertentu di antara Koperasi dan pembeli di mana Koperasi menjual aset miliknya kepada pembeli dengan harga tangguh dan kemudian membeli semula aset tersebut dengan harga tunai
  - (c) 'anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (d) 'aset' maknanya harta atau barang milik Koperasi yang dijual kepada pembeli dengan harga yang dibayar secara ansuran bulanan
  - (e) 'aturan' maknanya aturan-aturan Al Bai Al Inah Koperasi;
  - (f) 'BPA' maknanya Biro Perkhidmatan Angkasa;
  - (g) 'gaji' bermaksud gaji dan termasuk semua jenis elaun tetap bulanan
  - (h) 'harga belian' maknanya harga tunai bagi aset yang dijual balik oleh pembeli kepada Koperasi;
  - (i) 'harga jualan' maknanya harga aset yang termasuk margin keuntungan Koperasi yang dibeli oleh pembeli dan perlu dibayar balik kepada Koperasi secara ansuran bulanan di dalam tempoh masa yang dipersetujui;
  - (j) 'hutang' maknanya jumlah atau baki harga jualan aset yang perlu dibayar balik oleh pembeli secara ansuran bulanan;
  - (k) 'keuntungan' maknanya berbezaan harga di antara harga jualan dan belian
  - (l) 'Koperasi' maknanya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (m) 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (n) 'Peraturan' maknanya Peraturan-peraturan Koperasi 2008 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;
  - (o) 'pembeli' maknanya anggota yang membeli aset Koperasi di bawah aturan-aturan Al Bai Al Inah;
  - (p) 'Suruhanjaya' maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007
  - (q) 'Undang-undang kecil' maknanya undang-undang kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (r) 'Yuran' jumlah wang yang disumbang pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh seseorang

- anggota dikenakan dengan keanggotaan dalam Koperasi dan boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- (s) “Pembiayaan” merujuk kepada pertukaran wang dengan barang atau sebaliknya dan pertambahan nilai(aktiviti jual beli yang berlaku dikenali sebagai Al Bai Inah) dikenali sebagai keuntungan.
  - (t) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

### **TUJUAN DAN JENIS PEMBIAYAAN**

- 3. (a) Tujuan Al Bai Al Inah ialah untuk membantu anggota-anggota mendapat wang tunai bagi keperluan peribadi anggota.
- (b) Jenis Al Bai Al Inah:
  - 1. Al Bai Al Inah Berjamin
  - 2. Al Bai Al Inah Tidak Berjamin

### **KELAYAKAN MEMOHON AL BAI AL INAH**

- 4. Anggota-anggota yang ingin memohon skim Al Bai Al Inah hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:-
  - (a) Seseorang yang telah menjadi anggota Koperasi ini sekurang-kurangnya 6 bulan dan telah menyempurnakan bayaran yuran bulanan untuk tempoh tersebut,, layak memohon Al Bai Al Inah; atau
  - (b) Bagi pemohon yang menjadi anggota kurang daripada enam (6) bulan, anggota tersebut hendaklah memiliki sekurang-kurangnya modal yuran sebanyak RM180.00 (RM30 x 6 bulan) dan menjadi anggota sekurang-kurangnya satu (1) bulan.
  - (c) Dapat mengadakan penjamin-penjamin yang terdiri daripada anggota-anggota yang boleh diterima oleh Lembaga kecuai bagi pembiayaan Al Bai Al Inah tanpa penjamin; dan
  - (d) Bayaran ansuran bulanannya tidak lebih daripada 1/3 gaji atau pendapatan bulanannya.

### **HAD PEMBERIAN AL BAI AL INAH**

- 5. (1) Had maksima Al Bai Al Inah yang boleh diberikan kepada seseorang anggota adalah seperti berikut:-
  - (a) Untuk Al Bai Al Inah berpenjamin, harga belian adalah terhad kepada maksima RM100,000.00.
  - (b) Untuk Al Bai Al Inah tanpa penjamin, jumlah harga belian adalah terhad kepada 90% yuran simpanannya atau sejumlah harga jualan yang pada pendapat Lembaga mampu dibayar balik oleh anggota dikenakan. Namun begitu, syarat-syarat berkaitan had potongan gaji maksima sebanyak 60% tetap diambilkira.
- (2) Lembaga berhak menentukan jumlah maksima harga jualan atau harga belian di bawah aturan-aturan ini mengikut budi bicaranya tertakluk kepada had maksima yang diperuntukkan di bawah perkara 5(1).

## **KADAR KEUNTUNGAN**

6. Lembaga, mengikut budibicaranya, berhak menentukan kadar keuntungan atas penjualan aset kepada pembeli mengikut suasana perniagaan pada ketika itu.

## **PENYELESAIAN AWAL**

7. Pembeli boleh membuat penyelesaian awal sama ada dengan cara membayar balik secara tunai atau dengan lain-lain cara yang dipersetujui oleh Lembaga.

## **POTONGAN HUTANG KERANA PENYELESAIAN AWAL**

8. Lembaga mengikut budibicaranya boleh menetapkan sejumlah potongan wang kepada anggota yang menyelesaikan hutangnya kepada Koperasi terlebih awal daripada tempoh bayaran balik hutang di bawah aturan Al Bai Al Inah.

## **TANGGUNGJAWAB PENJAMIN-PENJAMIN**

9. Al Bai Al Inah berjamin yang dibenarkan di bawah aturan-aturan ini akan diberikan kepada pembeli-pembeli dengan jaminan dua orang anggota-anggota Koperasi ini dengan syarat-syarat yang berikut:-
  - (a) Tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran sepenuhnya ansuran hutang atas harga aset yang dibeli oleh pembeli;
  - (b) Penjamin-penjamin itu hendaklah membayar balik kesemuanya ansuran hutang yang diberikan kepada pembeli jika sekiranya pembeli tidak dapat membayar balik ansuran hutang itu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui.
  - (c) Penjamin-penjamin berserta dengan pembeli hendaklah menandatangani surat perjanjian hutang (al-kafalah)
  - (d) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan penjamin adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukannya.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBELI**

10. (a) Adalah menjadi tanggungjawab pembeli untuk:-
  - (i) Membuat aqad belian dan jualan dan menandatangani borang aqad yang disediakan,
  - (ii) Menandatangani surat perjanjian hutang (al-kafalah),
  - (iii) Menandatangani surat perjanjian jaminan,
  - (iv) Menyertai Kumpulan Wang Perlindungan Kredit yang ditentukan oleh Lembaga.
  - (v) Membuat bayaran ansuran tanpa gagal dan menepati masa-masanya; dan
  - (vi) Menanggung semua kos yang terlibat dalam membuat bayaran itu
- (b) Lembaga berhak menentukan bentuk atau kandungan surat perjanjian hutang atau bon pinjaman dari semasa ke semasa mengikut keperluan Koperasi.

## **PENGAKUAN ANGGOTA YANG MEMOHON AL BAI AL INAH**

11. Seseorang anggota yang memohon Al Bai Al Inah hendaklah membuat pengakuan-pengakuan bertulis seperti berikut:-

- (a) Bahawa ia menyatakan bersama-sama permohonannya itu satu keterangan yang benar dan lengkap berkenaan dengan wang yuran dan tanggungannya di Koperasi ini sama ada sebagai sipenerima atau siberhutang atau penjamin-penjamin atau ketiga-tiganya;
- (b) Bahawa ia mengaku tidak akan menjadi penjamin atau mendapatkan Al Bai Al Inah atau lain-lain hutang daripada pihak lain selain daripada Koperasi ini, melainkan dengan kebenaran Lembaga;
- (c) Bahawa ia tidak akan berhenti dari menjadi anggota sebelum ansuran hutangnya kepada Koperasi ini selesai dibayar balik;
- (d) Bahawa ia bersetuju membenarkan gaji bulanannya dipotong untuk membayar balik hutangnya kepada Koperasi;
- (e) Bahawa sebagai penerima Al Bai Al Inah, seseorang anggota bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau pelarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi.
- (f) Bahawa sebagai penjamin kepada anggota-anggota Koperasi yang lain, seseorang anggota itu bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk membuat potongan bayaran atau pelarasan daripada yuran, simpanan khas, dividen atau apa-apa simpanan dengan koperasi bagi membayar pembiayaan yang tertunggak dengan koperasi yang dijamin setelah diarahkan oleh Lembaga Koperasi.
- (g) Jika sipenerima berhenti atau diberhentikan daripada menjadi anggota, bangkrap, membuat pengeluaran yuran dan meninggal dunia, sipenerima atau penjamin boleh memohon kepada Koperasi untuk menggantikan beliau dengan anggota lain sebagai penjamin dengan mengisi borang pertukaran penjamin yang disediakan oleh Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat bahawa tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik sepenuhnya Al Bai Al Inah.

#### **TEMPOH BAYARAN BALIK AL BAI AL INAH**

- 12. (a) Lembaga berhak menentukan tempoh bayaran balik hutang di bawah aturan Al Bai Al Inah dan tempoh tersebut hendaklah tidak melebihi 240 bulan.
- (b) Lembaga, mengikut budi bicaranya, berhak menentukan tempoh bayaran balik yang munasabah.

#### **CARA BAYARAN ANSURAN**

- 13. Bayaran balik hendaklah dibuat melalui BPA atau lain-lain cara yang dipersetujui oleh Lembaga.

#### **PENOLAKAN PERMOHONAN AL BAI AL INAH**

- 14. (1) Lembaga adalah berkuasa menolak sebarang permohonan dari anggota untuk kemudahan Al Bai Al Inah, menghadkan jumlahnya dan menolak sesiapa jua anggota sebagai penjamin.
- (2) Tidak ada anggota boleh menuntut supaya ia diberikan Al Bai Al Inah sebagai suatu haknya.

#### **HUTANG DIBAYAR BALIK DENGAN SERTA MERTA**

- 15. Pembeli hendaklah membayar balik dengan serta merta segala hutang kepada Koperasi ini mengikut keadaan berikut:-
  - (a) Jika pembeli berhenti daripada menjadi anggota.
  - (b) Jika pembeli tidak dapat mencari penjamin yang lain dalam tempoh 2 bulan bagi menggantikan penjamin yang tidak layak.

## **PERMOHONAN AL BAI AL INAH**

16. Permohonan dari anggota-anggota mendapatkan Al Bai Al Inah hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan mengisi borang yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

## **PENYERAHAN BAYARAN HUTANG**

17. Pembeli bolehlah menjelaskan kesemua hutangnya atau sebahagian daripadanya pada masa yang lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan.

## **PENYERAHAN ASET KEPADA PEMBELI**

18. Penyerahan aset akan dibuat hanya setelah semua aqad jual beli dan surat perjanjian selesai ditandatangani. Penyerahan aset dikira sempurna melalui penyerahan geran untuk tanah, sijil pendaftaran untuk kenderaan bermotor, atau lain-lain keterangan mengenai aset yang boleh diterima.

## **TA'WIDH(PAMPASAN)**

19. Peminjam atau pembeli hendaklah membayar kepada Koperasi dalam bentuk ta'widh(pampasan) di atas sebarang kelewatan bagi sebarang bayaran, sejumlah amaun bersamaan satu peratus (1%) sebulan berdasarkan amaun yang tertunggak daripada tarikh amaun tertunggak itu hinggalah tarikh penyelesaian sepenuh dan akhirnya atau amaun yang lain yang akan diputuskan oleh Lembaga.

## **KUASA MELULUS PINJAMAN**

20. Kuasa meluluskan pembiayaan dan menandatangani perjanjian jual beli aset Al Bai Al Inah ini diberi mandat kepada Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari Koperasi ini.

## **TAKRIF**

21. Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan-aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## **PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN**

22. (1) Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini, bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan-aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Al Bai Al Inah.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN YURAN ANGGOTA**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Yuran Anggota Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Yuran Anggota ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Aturan-aturan” ertinya Aturan-aturan Yuran Anggota Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
  - (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Koperasi’ atau “Koperasi ini’ ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (d) “Lembaga” ertinya pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Yuran Anggota” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
  - (f) ‘Undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (g) ‘Akta’ maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - (h) ‘Gaji’ bermaksud gaji pokok.
  - (i) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**TUJUAN YURAN ANGGOTA**

3. a) Tujuan utama Koperasi ini ialah untuk menggalakkan anggota-anggotanya berjimat cermat dan menyediakan kemudahan pinjaman. Bagi mencapai tujuan tersebut, Koperasi hendaklah menjalankan aktiviti yang memberi kemudahan untuk membolehkan anggota-anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dan memberi kemudahan pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah.
- (b) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit Malaysia tiga puluh sahaja) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih atau mengikut jadual tanggagaji/pencen seperti yang terdapat dalam Aturan Yuran Anggota, yang dibuat oleh Lembaga dengan persetujuan mesyuarat agung.

- (c) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang gagal menjelaskan yuran bulanan selama tiga (3) bulan berturut-turut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga.

#### **POTONGAN GAJI /PENCEN BULANAN**

4. (1) Setiap anggota Koperasi hendaklah bayar yuran masing-masing melalui potongan gaji bulanan melalui majikan sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit Malaysia tiga puluh sahaja) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yang lebih daripada yuran minima atau mengikut jadual tanggagaji seperti berikut:-

<u>Tanggagaji</u>	<u>Kadar Minima Yuran Bulanan</u>
RM400.00 sebulan	RM30.00
RM401.00 hingga RM600.00 sebulan	RM35.00
RM601.00 hingga RM800.00 sebulan	RM40.00
RM801.00 hingga RM1,000.00 sebulan	RM45.00
RM1,001.00 hingga RM1,200.00 sebulan	RM50.00
RM1,201.00 hingga RM1,400.00 sebulan	RM55.00
RM1,401.00 hingga RM1,600.00 sebulan	RM60.00
RM1,601.00 sebulan dan ke atas	RM65.00

- (2) Bagi anggota yang berpencen, yuran minima bulanan ialah sebanyak RM30.00 (Ringgit Malaysia tiga puluh sahaja) sebulan yang perlu dibayar secara tunai setiap bulan atau boleh dibayar terdahulu tetapi tidak melangkaui tahun kewangan berkenaan.

#### **MENAMBAH ATAU MENGURANGKAN YURAN BULANAN**

5. Anggota digalakkan menambah yuran bulanan dalam Koperasi ini dari semasa ke semasa dan boleh mengurangkannya sehingga tidak lebih daripada sebanyak yang dinyatakan dalam perkara 4 Aturan, dan permohonan berbuat demikian hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Koperasi tiga (3) bulan sebelum tarikh perubahan dikehendaki.

#### **PENGELUARAN YURAN SEPENUHNYA**

6. Anggota boleh mengeluarkan yuran masing-masing sepenuhnya apabila berhenti daripada menjadi anggota Koperasi.

#### **PENGELUARAN 80 ATAU 50 PERATUS DARIPADA YURAN**

7. (1) Anggota-anggota yang telah bersara boleh mengeluarkan yurannya tidak lebih lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah yurannya yang ada dalam Koperasi ini dengan syarat pada tarikh mula persaraannya semua hutang-hutang telah dijelaskan atau diperlaraskan daripada lapan puluh peratus (80%) yurannya yang akan dikeluarkan dan beliau juga boleh kekal sebagai anggota Koperasi ini dengan meneruskan bayaran yuran minima menurut fasal 4(2) di atas.
- (2) Anggota-anggota juga boleh mengeluarkan yurannya tidak lebih lima puluh peratus(50%) daripada jumlah yurannya yang ada dalam Koperasi ini atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Lembaga dengan syarat:-
- a) pada tarikh permohonan pengeluaran, semua hutang-hutang dengan Koperasi telah dijelaskan atau diperlaraskan daripada lima puluh peratus (50%) yurannya yang akan dikeluarkan,
  - b) jumlah yuran pada tarikh permohonan tidak kurang daripada RM10,000.00 dan, beliau juga boleh kekal sebagai anggota Koperasi ini dengan meneruskan bayaran yuran minima menurut fasal 4(2) atau 4 (1) di atas.

## **POTONGAN HUTANG KERANA MENGELUARKAN 50 PERATUS ATAU 80 PERATUS YURAN**

8. Lembaga mengikut budi bicaranya boleh membenarkan pengeluaran yuran anggota bagi tujuan seperti berikut:-
- menyelesaikan pembiayaannya kepada Koperasi terlebih awal daripada tempoh bayaran balik pinjaman apabila mengeluarkan lapan puluh peratus (80%) yuran kerana bersara atau apabila mengeluarkan 50 peratus (50%) yuran atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Lembaga.
  - Menyelesaikan hutangnya kepada Bahagian-Bahagian Koperasi yang telah tertunggak melebihi tiga(3) bulan berturut-turut.
  - Membayar pembiayaan anggota-anggota Koperasi yang lain di mana seseorang anggota itu menjadi penjamin setelah Tribunal Koperasi atau mahkamah memutuskan sedemikian, dan
  - Lain-lain tujuan yang munasabah dan dibenarkan oleh Lembaga.

## **KUASA MELULUSKAN PENGELUARAN YURAN**

9. Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari boleh meluluskan permohonan mengeluarkan yuran dan hendaklah dibentangkan kepada Lembaga dalam mesyuarat bulanan Lembaga yang terawal selepas kelulusan-kelulusan itu.

## **PENYELESAIAN WANG ANGGOTA**

10. Seseorang yang berhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21 dan 24 berhaklah baginya menerima balik wang yang ada dalam akaun yurannya selepas ditolak semua hutang dengan koperasi, jika ada.

## **PULANGAN ATAS YURAN**

11. Pulangan atas yuran anggota adalah dalam bentuk dividen yang dibayar setiap tahun jika ada, selepas diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan Koperasi. Kadar dividen yang dibayar atas yuran kepunyaan seorang anggota seperti pada tiga puluh haribulan Jun sebelum akhir tahun kewangan menurut peraturan 30 Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang gagal atau engkar untuk menjelaskan yuran atau hutang Koperasi selama tiga bulan berturut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga dan seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak untuk menerima dividen.

## **AKAUN DAN PENYATA AKAUN**

12. Koperasi hendaklah menyelenggarakan akaun yang teratur bagi yuran anggota, menyimpannya dengan selamat dan mudah dirujuk. Penyata yuran anggota yang mengandungi butiran wang masuk dan wang keluar bagi setiap anggota hendaklah disedia dan disampaikan dua kali setahun kepada anggota untuk menunjukkan kedudukan akaun masing-masing seperti yang ada pada tiga puluh haribulan Jun dan tiga puluh satu haribulan Disember.

## **PINDAAN-PINDAAN**

13. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.  
(b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan akaun ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

Diluluskan oleh  
Mesyuarat Agung  
pada 28-6-2008

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AKAUN SIMPANAN PEKERJA**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Akaun Simpanan Pekerja Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Akaun Simpanan Pekerja ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Aturan-aturan” ertinya Aturan-aturan Akaun Simpanan Pekerja Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
  - (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Koperasi’ atau “Koperasi ini’ ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (d) “Lembaga” ertinya pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Akaun Simpanan Pekerja” ertinya wang yang didepositkan secara potongan gaji bulanan oleh seseorang pekerja Koperasi ini mengikut kadar yang ditetapkan dalam jadual tanggagaji pekerja yang diluluskan Lembaga, boleh dikeluarkan apabila tamat atau berhenti atau ditamatkan perkhidmatannya, selepas ditolak semua hutang dengan Koperasi.
  - (f) ‘Undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (g) “Pekerja’ ertinya sesiapa yang dibayar gaji dan berjawatan tetap di Koperasi ini yang dilantik di bawah undang-undang kecil 44(2)(e) dan (p).
  - (h) ‘Gaji’ bermaksud gaji pokok.
  - (i) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**TUJUAN AKAUN SIMPANAN PEKERJA**

3. a) Koperasi ini menggalakkan pekerja berjimat cermat melalui kemudahan akaun simpanan pekerja yang boleh dimanfaatkan ketika memerlukan. Akaun Simpanan Pekerja membolehkan pekerja menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka secara potongan gaji bulanan.

- (b) Akaun simpanan pekerja juga boleh digunakan sebagai cagaran apabila Koperasi memberi kemudahan pinjaman pekerja kepada mereka bagi maksud yang berfaedah.

#### **POTONGAN GAJI BULANAN**

4. Setiap pekerja Koperasi boleh membuat potongan gaji bulanan tidak kurang daripada RM20.00 (Ringgit Malaysia dua puluh sahaja) sebulan pada tiap-tiap bulan untuk akaun simpanan masing-masing di dalam Koperasi ini atau lebih mengikut jadual tanggagaji seperti berikut:-

<u>Tanggagaji</u>	<u>Kadar Minima Simpanan Bulanan</u>
RM900.00 sebulan	RM20.00
RM901.00 hingga RM1,200.00 sebulan	RM25.00
RM1,201.00 hingga RM1,400.00 sebulan	RM30.00
RM1,401.00 hingga RM1,600.00 sebulan	RM35.00
RM1,601.00 hingga RM1,800.00 sebulan	RM40.00
RM1,801.00 hingga RM2,000.00 sebulan	RM45.00
RM2,001.00 hingga RM2,500.00 sebulan	RM50.00
RM2,501.00 sebulan dan ke atas	RM55.00

#### **MENAMBAH ATAU MENGURANGKAN DEPOSIT BULANAN**

5. Pekerja digalakkan menambah deposit bulanan untuk akaun simpanan pekerja dalam Koperasi ini dari semasa ke semasa dan boleh mengurangkannya sehingga tidak lebih daripada sebanyak yang dinyatakan dalam perkara 4 Aturan, dan permohonan berbuat demikian hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Koperasi sebulan sebelum tarikh perubahan dikehendaki.

#### **SYARAT-SYARAT PENGELUARAN WANG**

6. Pekerja boleh mengeluarkan wang dari tabung simpanan masing-masing untuk suatu maksud yang dinyatakan dan pengeluaran wang yang berkaitan dengan tujuan-tujuan berikut hendaklah dibenarkan -
- (a) perbelanjaan pendidikan untuk diri pekerja, suami/isteri dan/atau anak-anak;
  - (b) perbelanjaan rawatan sakit untuk diri pekerja, suami/isteri, anak-anak dan ahli-ahli keluarga terdekat;
  - (c) perbelanjaan untuk meningkatkan keperluan, kemudahan dan keselesaan hidup pekerja sekeluarga;
  - (d) perbelanjaan unuk perkahwinan pekerja dan tanggungan-tanggungan pekerja;
  - (e) perbelanjaan menyenggarakan pengkebumian tanggungan-tanggungan pekerja;
  - (f) perbelanjaan yang bersangkutan dengan agama seperti mengerjakan haji dan umrah; dan
  - (g) perbelanjaan untuk berbakti kepada ibu bapa.

#### **HAD PENGELUARAN WANG**

7. Pengeluaran wang dari akaun simpanan pekerja menurut peruntukan dalam perkara 6 aturan tertakluk kepada had-had berikut -
- (a) pengeluaran pertama tidak boleh dilakukan hingga setelah genap dua belas bulan pekerja memasukkan deposit bulanan ke dalam akaun simpanannya,
  - (b) pengeluaran boleh dibuat pada bila-bila masa tetapi tidak boleh lebih dua kali sesuatu tahun kewangan Koperasi; dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

#### **KUASA MELULUSKAN PENGELUARAN WANG**

8. Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari boleh meluluskan permohonan mengeluarkan wang dari akaun simpanan seseorang pekerja dan hendaklah dibentangkan kepada Lembaga dalam mesyuarat bulanan Lembaga yang terawal selepas kelulusan-kelulusan itu.

## **PENYELESAIAN WANG ANGGOTA**

9. Seseorang yang berhenti atau terhenti atau diberhentikan daripada perkhidmatannya dalam Koperasi ini berhaklah baginya menerima balik wang yang ada dalam akaun simpanannya selepas ditolak semua hutang dengan koperasi, jika ada.

## **PULANGAN**

10. (1) Pulangan atas akaun simpanan pekerja hendaklah diberikan menurut kadar sesuai yang akan ditentukan oleh Lembaga Koperasi. Seorang pekerja yang namanya tidak ada dalam senarai akaun simpanan pekerja pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak untuk mendapat pulangan. Pulangan ini hendaklah dikreditkan ke dalam akaun simpanan pekerja.
- (2) Perkiraan bagi pulangan ke atas akaun simpanan pekerja hendaklah dibuat berasaskan baki akaun simpanan pekerja dalam akaun teraudit pada tiga puluh Jun bagi sesuatu tahun kewangan berkenaan.

## **AKAUN DAN PENYATA TABUNG**

11. Koperasi hendaklah menyenggarakan akaun yang teratur bagi akaun simpanan setiap pekerja, menyimpannya dengan selamat dan mudah dirujuk. Penyata akaun simpanan pekerja yang mengandungi butiran wang masuk dan wang keluar bagi setiap pekerja hendaklah disedia dan disampaikan dua kali setahun kepada pekerja untuk menunjukkan kedudukan akaun masing-masing seperti yang ada pada tiga puluh haribulan Jun dan tiga puluh satu haribulan Disember.

## **PINDAAN-PINDAAN**

12. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan akaun ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN KREDIT**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Aturan-aturan” ertinya Aturan-aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
  - (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Koperasi’ atau “Koperasi ini’ ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (d) “Lembaga” ertinya pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Kredit” ertinya kemudahan pembiayaan termasuk keuntungan atas pembiayaan yang diberikan oleh Koperasi kepada anggota atau seseorang pekerja Koperasi ini mengikut Aturan-aturan pembiayaan berkenaan yang diluluskan Lembaga dari semasa ke semasa
  - (f) “Undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (g) “Tabarru” adalah daripada perkataan Arab yang bermaksud menderma secara ikhlas, membuat kebajikan, mengurniakan dengan redha.
  - (h) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**TUJUAN**

3. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk
  - (a) Merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit.
  - (b) Mengumpul wang yang mencukupi bagi menjalankan Kumpulan Wang ini.
  - (c) Memudahkan anggota mendapatkan kemudahan kredit.

**SUMBER KEWANGAN**

4. Sumber kewangan bagi menjalankan Kumpulan Wang ini diperolehi dari-

- (a) Caj perlindungan yang dikenakan keatas pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga.
- (b) Peruntukan dari keuntungan koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan.
- (c) Pulangan dari pelaburan wang Kumpulan ini.

#### **PENTADBIRAN KUMPULAN WANG**

5. Aktiviti ini ditadbir oleh Lembaga Koperasi seperti berikut:-

- (a) Kumpulan Wang ini akan dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang akan dilantik oleh Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad menurut undang-undang kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini.
- (b) Semua dana Kumpulan Wang ini akan disenggara dalam satu akaun bank berasingan. Cek-cek akan ditandatangani oleh pegawai Koperasi yang diberi kuasa oleh Lembaga.
- (c) Sebagai pentadbir, koperasi dibenarkan untuk mengenakan caj pentadbiran dengan kadar antara satu peratus hingga dua puluh peratus setahun.
- (d) Lembaga boleh memutuskan perubahan kadar caj tersebut dari masa ke semasa mengikut keperluan.

#### **KEPERLUAN KUMPULAN PERLINDUNGAN KREDIT**

6. Kumpulan Wang Perlindungan Kredit ini diwajibkan kepada anggota yang diluluskan kreditnya.

#### **JENIS PERLINDUNGAN**

7. Perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini hanya untuk keadaan berikut-

- (a) Anggota meminjam dan meninggal dunia.
- (b) Kes-kes yang difikirkan munasabah dan diluluskan oleh Lembaga.

#### **KADAR CAJ PERLINDUNGAN**

- 8. Kadar caj perlindungan yang dikenakan ke atas pembiayaan adalah menggunakan konsep tabarru yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- 9. Lembaga berkuasa membuat perubahan kadar caj tersebut dari masa ke semasa.

#### **PENGELUARAN DARI KUMPULAN WANG INI**

- 10. Anggota yang diberikan kredit di bawah Aturan 7(a), Lembaga berkuasa menggunakan wang syer, yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di koperasi ini untuk menjelaskan baki kreditnya. Lembaga seterusnya boleh menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki kreditnya.
- 11. Anggota yang diberikan kredit di bawah Aturan 7(b) dan setelah 3 bulan gagal membuat bayaran balik baki kredit, Lembaga berkuasa menggunakan wang modal syer, yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di koperasi ini untuk menjelaskan baki kredit.
- 12. Setelah mengambil tindakan perkara 11, Lembaga seterusnya boleh menggunakan wang dari Kumpulan ini untuk menjelaskan baki kredit setelah semua cara termasuk tindakan undang-undang diambil untuk mendapatkan baki kredit.
- 13. Segala perbelanjaan yang berbangkit dalam usaha mendapatkan balik baki kredit dari peminjam hendaklah dibayar dari wang Kumpulan Wang ini.

## **PELABURAN**

14. Lembaga boleh menggunakan semua atau sebahagian daripada wang Kumpulan wang ini untuk tujuan pelaburan.
15. Lembaga berkuasa memindah sebahagian atau semua wang Kumpulan Wang ini ke dalam akaun pembahagian keuntungan koperasi ini.

## **TAHUN KEWANGAN**

16. Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan koperasi ini.

## **AUDIT**

17. Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun koperasi ini.

## **PENGGANTUNGAN/PEMBUBARAN KUMPULAN WANG INI**

18. Jika keadaan atau kedudukan kewangan Kumpulan wang ini tidak mengizinkan lagi operasinya diteruskan, Lembaga berkuasa menggantung perjalanan Kumpulan Wang ini sehingga keadaan atau kedudukan kewangannya pulih atau membubarkannya sama sekali.

## **PERTIKAIAN**

19. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut Undang-undang kecil 81 koperasi ini.

## **PINDAAN-PINDAAN**

20. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim) (Hj Abd Rahman b Hj Ismail) (Hj Munir b Badrul Jamil)  
Pengerusi Anggota Lembaga Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER**

**1. TAJUK**

- e. Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- f. Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**2. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-

- (a) ‘Koperasi’ bermakna Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (b) ‘Lembaga’ bermakna badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
- (c) ‘Mesyuarat agung’ bermakna mesyuarat agung tahunan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (d) ‘Akta’ maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (e) ‘anggota’ termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani mesyuarat agung permulaan dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (f) ‘aturan-aturan’ maknanya aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung;
- (g) ‘Peraturan’ maknanya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (h) ‘Suruhanjaya’ maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (i) ‘Undang-undang kecil’ maknanya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (j) ‘Syer’ ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (k) ‘syer bonus’ bermaksud syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;
- (l) ‘Kumpulan Wang Rizab Statutori’ ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh tiap-tiap koperasi menurut subseksyen 57(1) daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun.
- (m) “Hutang dengan koperasi” ertinya hutang bagi pembelian barangan dan perkhidmatan oleh seseorang anggota atau pekerja Koperasi di Bahagian-Bahagian perniagaan Koperasi termasuk tunggakan yuran, syer, syer bonus, ansuran bulanan pembiayaan yang melebihi tiga(3) bulan atau jumlah keseluruhan pembiayaan dengan koperasi.

**3. TUJUAN**

- (a) Merancang, mengawal dan menjalankan segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang ini,
- (b) Memastikan modal syer yang dibayar oleh anggota diakaunkan sebagai wang koperasi selaras dengan seksyen 50, Akta Koperasi 1993,
- (c) Memastikan penebusan dan penyelesaian modal syer anggota dilaksanakan selaras dengan seksyen 50, Akta Koperasi 1993.

#### **4. MODAL SYER**

- (a) Menurut UUK 54(1) dan perenggan 50(b) Akta Koperasi 1993, setiap anggota hendaklah melanggan RM10.00 (Ringgit: sepuluh) syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh lima bulan. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan tamat,
  - (2) Mana-mana anggota yang gagal melanggan syer seperti dalam fasal (1) hendaklah disingkirkan.
- (b) Menurut perkara 16 UUK, seksyen 28 Akta Koperasi 1993, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM10.00 (Ringgit: sepuluh) syer dan telah menjelaskan yurannya yang pertama, boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liability sebagai anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam UUK.
- (c) Menurut seksyen 33 Akta Koperasi 1993, tiada anggota, selain daripada sesuatu koperasi, boleh memegang lebih daripada satu perlima modal syer mana-mana koperasi.
- (d) Menurut perkara 21(2)(d), keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab gagal menjelaskan syer minimum menurut UUK 54.

#### **5. PINDAHAN SYER**

Menurut UUK 55(1) seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) UUK 54 kepada anggota lain dengan menandatangani 118sset118 pindahan syer.

Menurut UUK 55 (2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

#### **6. PENYELESAIAN WANG ANGGOTA**

Menurut UUK 24(1) jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut UUK 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah-

- (a) Sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) Sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
- (c) Sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik; dan

(d) Sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis.

Menurut UUK 24 (2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan UUK 55 dan 56.

## **7. PENYELESAIAN MODAL SYER**

Menurut UUK 56(1) jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut UUK 55, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan dalam UUK itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2).

Menurut UUK 56 (2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

Menurut UUK 56 (3) Syer yang ditebus di bawah fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

## **8. SYER BONUS**

Menurut UUK 59(1) Koperasi boleh menerbitkan syer bonus daripada-

- (a) Penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai 119sset tetap;
- (b) Penilaian semula tanah atau bangunan atau kedua-duanya, sebagai 119sset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (c) Kumpulan Wang Rizab Statutori, dengan kelulusan Suruhanjaya dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya, menurut perenggan 57(1B)(b) Akta; dan
- (d) Syer bonus yang ditebus oleh Koperasi melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

Menurut UUK 59 (2) Syer bonus boleh diterbitkan berasaskan kepada jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota dengan syarat-

- (i) Syer tersebut telah dipegang bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
- (ii) Nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar anggota Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
- (iii) Semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskan; dan
- (iv) Buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

Menurut UUK 59 (3) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal yang disebutkan dalam perenggan (b) fasal (1) UUK 58, boleh dengan kelulusan Lembaga-

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini, atau
- (b) dikeluarkan, dalam hal anggota yang mati, hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Menurut UUK 59 (4) Satu Daftar Syer Bonus hendaklah diselenggarakan dengan sempurna.

## **9. PENYENGGARAAN AKAUN**

- (a) Kutipan Syer Minimum

Setiap anggota baru yang diterima menjadi anggota Koperasi ini dikehendaki membuat pembayaran syer minimum sebanyak RM10.00(Ringgit: Sepuluh) semasa pendaftaran menghadiri taklimat anggota baru diadakan.

<b>Perkara</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Bank	RM10.00	
Modal Syer Anggota		RM10.00

(b) **Jualan Balik Syer**

Transaksi perakaunan yang terlibat adalah dengan mendebit akaun Kumpulan Wang Penebusan Syer dengan amaun sebanyak RM10.00 dan menkredit akaun Bank dengan amaun yang sama.

Kemudian, mendebit akaun Modal Syer dengan amaun sebanyak RM10.00 dan menkredit akaun Syer Ditebus dengan amaun yang sama.

<b>Perkara</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Kumpulan Wang Penebusan	RM10.00	
Bank		RM10.00
Modal Syer Anggota	RM10.00	
Modal Syer Ditebus		RM10.00

(c) **Penebusan Syer**

Jika ada anggota lain membeli syer tambahan, Koperasi hanya perlu menebus syer yang telah dijual oleh anggota berhenti atau terhenti dengan mengikuti proses perakaunan dengan mendebit akaun Bank dengan amaun sebanyak RM10.00 dan menkredit akaun Kumpulan Wang Penebusan Syer dengan amaun yang sama.

Kemudian, mendebit akaun Syer Ditebus dengan amaun sebanyak RM10.00 dan menkredit akaun Modal Syer dengan amaun yang sama.

<b>Perkara</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Bank	RM10.00	
Kumpulan Penebusan Syer		RM10.00
Syer Ditebus	RM10.00	
Modal Syer		RM10.00

## 10. TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## 11. PINDAAN KEPADA ATURAN

- (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
 (Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
 Pengerusi

.....  
 (Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
 Anggota Lembaga

.....  
 (Hj Munir b Badrul Jamil)  
 Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI**

**1. TAJUK**

- (e) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Rizab Statutori Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (f) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**2. TAFSIRAN**

Dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-

- (a) ‘Koperasi’ bermakna Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
- (b) ‘Lembaga’ bermakna badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;
- (c) ‘Mesyuarat agung’ bermakna mesyuarat agung tahunan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
- (d) ‘Akta’ maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (e) ‘anggota’ termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (f) ‘aturan-aturan’ maknanya aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung;
- (g) ‘Peraturan’ maknanya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (h) ‘Suruhanjaya’ maknanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (i) ‘Undang-undang kecil’ maknanya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (j) ‘Syer’ ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (k) ‘syer bonus’ bermaksud syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;
- (l) ‘Yuran’ ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil koperasi atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
- (m) ‘Kumpulan Wang Rizab Statutori’ ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh tiap-tiap koperasi menurut subseksyen 57(1) daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun;
- (n) ‘Aset cair atau mudah cair’ ertinya aset yang mudah ditukarkan dengan segera menjadi tunai.

### 3. TUJUAN

- (a) Merancang, mengawal dan menjalankan segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang ini,
- (b) Diwujudkan untuk kepentingan memelihara kewibawaan pengurusan kewangan serta keutuhan kewangan koperasi,
- (c) Memastikan Kumpulan Wang Rizab Statutori koperasi diakaunkan sebagai kumpulan wang koperasi selaras dengan kehendak subseksyen 57(1) Akta Koperasi 1993 dan UUK 60.
- (d) Memastikan dana Kumpulan Wang Rizab Statutori diasing dan dilaburkan dalam aset-aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin.

### 4. PENYENGGARAAN AKAUN

Menurut UUK 53(1)(d) wang dan kumpulan wang koperasi boleh mengandungi Kumpulan Wang Rizab Statutori. Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti yang diperuntukkan menurut fasal (1) UUK 9, iaitu aktiviti utama Koperasi ini.

Menurut UUK 65(1) Kumpulan Wang Rizab Statutori ditubuhkan hasil agihan keuntungan bersih teraudit Koperasi setiap tahun mengikut kadar peratusan yang ditetapkan menurut fasal (2) UUK 60 iaitu:-

<b>Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori</b>	<b>Jumlah Pindahan</b>
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

Menurut UUK 60(3) Koperasi tidak boleh bahagi Kumpulan Wang Rizab Statutori dan tidak sesorang pun anggota berhak menuntut suatu bahagian daripadanya.

Menurut UUK 60(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki kumpulan wang ini hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota koperasi ini.

Aset-aset Kumpulan Wang Rizab Statutori yang dibeli oleh Koperasi bagi mewakili Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah dikenali sebagai “Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori” dalam Kunci Kira-Kira Koperasi.

### 5. PEMBAYARAN SYER DAN YURAN

Menurut fasal (4) UUK 60 Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori dengan syarat-syarat berikut:-

- a) Mewujudkan dan memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer. Sekiranya Kumpulan Wang Penebusan Syer telah mencapai 50% daripada jumlah modal syer anggota, maka pindahan kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer adalah secara sukarela;
- b) Menggunakan Kumpulan Wang Penebusan Syer terlebih dahulu sebelum menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membayar balik syer anggota;
- c) Mewakili Kumpulan Wang Rizab Statutori sekurang-kurangnya 20% dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah;
- d) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;

- e) Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi pembayaran balik syer kepada anggota daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori ialah:

- i) Bayaran Balik Syer

Anggota yang berhenti atau diberhenti boleh dibayar balik syer mereka dan koperasi membeli balik syer dan disimpan Modal Syer Ditebus.

Perkara	Debit	Kredit
Kumpulan Wang Rizab Statutori	xx	
Bank		xx
Modal Syer Anggota	xx	
Modal Syer Ditebus		xx

- ii) Modal Syer Ditebus

Koperasi boleh menjual semula syer anggota lama kepada anggota baru atau anggota sedia ada yang ingin menambah syer.

Perkara	Debit	Kredit
Bank	xx	
Kumpulan Wang Rizab Statutori		xx
Modal Syer Ditebus#	xx	
Modal Syer Anggota		xx

#Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah Debit –Bank dan Kredit-Modal Syer.

- iii) Modal Syer Bonus

Modal syer yang ditebus oleh koperasi juga boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus dengan kelulusan mesyuarat agung.

Perkara	Debit	Kredit
Modal Syer Ditebus	xx	
Syer Bonus		xx

- iv) Bayaran Balik Yuran

Perkara	Debit	Kredit
Kumpulan Wang Rizab Statutori	xx	
Bank		xx
Modal Yuran Anggota	xx	
Modal Yuran Ditebus		xx

- v) Modal Yuran Ditebus

Koperasi boleh menjual semula yuran anggota lama kepada anggota baru atau anggota sedia ada yang ingin menambah yuran.

Perkara	Debit	Kredit
Bank	xx	
Kumpulan Wang Rizab Statutori		xx
Modal Yuran Ditebus	xx	
Modal Yuran Anggota		xx

#Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah Debit –Bank dan Kredit-Modal Yuran.

## 6. PENERBITAN SYER BONUS

Menurut perenggan 57(1B)(b) Akta Koperasi 1993 boleh menerbit syer bonus kepada anggota menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu dengan syarat-syarat berikut:-

- (a) Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah melebihi 75% daripada jumlah syer dan yuran pada tarikh permohonan berdasarkan akaun teraudit terkini;
- (b) Memastikan Kumpulan Wang Rizab Statutori 100% dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah;
- (c) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) Buku-buku dan rekod-rekod perakaunan koperasi disenggarakan dengan memuaskan dan kemaskini;
- (e) Daftar Syer Bonus disenggara oleh Koperasi
- (f) Baki Kumpulan Wang Rizab Statutori selepas penerbitan syer bonus hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada 75% jumlah modal syer dan yuran anggota.
- (g) Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus kepada anggota daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori ialah:

- (a) Terbitan Syer Bonus

Setelah dipersetujui oleh Suruhanjaya dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan.

Perkara	Debit	Kredit
Kumpulan Wang Rizab Statutori	xx	
Syer Bonus		xx

- (b) Pembayaran Syer Bonus

Koperasi hendaklah membeli balik syer bonus anggota yang ingin berhenti atau diberhenti dengan membayar secara tunai.

Perkara	Debit	Kredit
Syer Bonus	xx	
Bank		xx
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	xx	
Syer Bonus Ditebus		xx

- (c) Terbitan Semula Syer Bonus

Modal syer yang ditebus oleh koperasi juga boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus dengan kelulusan mesyuarat agung.

Perkara	Debit	Kredit
Syer Bonus Ditebus	xx	
Syer Bonus		xx

## 7. PEMANTAUAN

Jawatankuasa Audit Dalam koperasi adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan aturan ini supaya hasrat penubuhan Kumpulan Wang Rizab Statutori tercapai.

## 8. TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan ini maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## 9. PINDAAN KEPADA ATURAN

- (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Abd Rahman b Hj Ismail)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KUMPULAN WANG PERUBATAN KOPERASI**

**NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

1. (1) Aturan ini dinamakan “Aturan-aturan Kumpulan Wang Perubatan Koperasi, Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad”.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**TAFSIRAN**

2. Di dalam Aturan-aturan Kumpulan Wang Perubatan Koperasi ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain.
  - (a) “Aturan-aturan” ertinya Aturan-aturan Kumpulan Wang Perubatan Pekerja Koperasi ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
  - (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (c) “Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad;
  - (d) “Lembaga” ertinya pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
  - (e) “Pekerja” ertinya seorang yang bekerja dengan Koperasi secara sepenuh masa dan tertakluk kepada Skim dan Syarat-syarat Perkhidmatan.
  - (f) “Perubatan” ertinya kemudahan pembiayaan kos-kos perubatan yang diberikan oleh Koperasi kepada seseorang Anggota Lembaga, Juruaudit Dalaman dan pekerja Koperasi mengikut kelayakan yang telah ditetapkan seperti dinyatakan pada Aturan 6(b).
  - (g) ‘Undang-undang kecil’ ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini;
  - (h) ‘Pencarum’ ertinya Lembaga, Juruaudit dan pekerja.

**TUJUAN**

3. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk
  - i. Merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Perubatan Koperasi.
  - ii. Mengumpul wang yang mencukupi bagi menjalankan Kumpulan Wang ini.
  - iii. Meringankan beban Anggota Lembaga, Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman dan pekerja untuk menampung kos-kos perubatan.

**SUMBER KEWANGAN**

4. Sumber kewangan bagi menjalankan Kumpulan Wang ini diperolehi dari-

- (a) Peruntukan dari keuntungan koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan.
- (b) Caruman Koperasi untuk setiap Lembaga, Juruaudit dan pekerja setiap bulan atau secara tahunan seperti dinyatakan pada Aturan 7.

### **PENTADBIRAN KUMPULAN WANG**

5. Aktiviti ini ditadbir oleh Lembaga Koperasi seperti berikut:-

- (a) Kumpulan Wang ini akan dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang akan dilantik oleh Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad menurut undang-undang kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad ini.
- (b) Semua dana Kumpulan Wang ini akan disenggara dalam satu akaun bank berasingan. Cek-cek akan ditandatangani oleh pegawai Koperasi yang diberi kuasa oleh Lembaga.

### **JENIS PERLINDUNGAN**

6. Perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini hanya untuk keadaan berikut-

- (a) Had tuntutan maksima bagi setiap pekerja adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM3,000.00) untuk setiap tahun.
- (b) Perlindungan hanya diberikan untuk kes-kes berikut sahaja:
  - i) Dimasukan ke wad untuk menjalani pembedahan
  - ii) Menerima rawatan dari pakar
  - iii) Pembelian alat bantuan seperti kaki palsu dan alat bantuan pendengaran
  - iv) Dimasukan ke wad kecemasan kerana kemalangan dan sakit kronik
  - v) Kadar wad yang dibenarkan adalah tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (RM100.00) sehari.
- (c) Kos yang ditanggung adalah berdasarkan kos sebenar dan tidak melebihi kos maksima seperti di Aturan 6(a).
- (d) Perlindungan hanya diberikan kepada diri sendiri Lembaga, Juruaudit dan pekerja sahaja.

### **KADAR CARUMAN**

- 7. Kadar caruman yang dikenakan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja (RM20,000.00) setahun yang akan disumbangkan oleh Koperasi secara sekali gus atau secara bulanan
- 8. Lembaga berkuasa membuat perubahan kadar caruman tersebut dari masa ke semasa.

### **PENGELUARAN DARI KUMPULAN WANG INI**

- 9. Pencarum boleh menuntut bayaran wang dari Kumpulan ini dengan mengemukakan tuntutan sebenar berserta dengan resit seperti yang dibenarkan di Aturan 6.
- 10. Pencarum boleh mendapatkan surat jaminan dari Koperasi untuk diberikan kepada hospital untuk menjamin pembayaran bil seperti yang dibenarkan di Aturan 6.
- 11. Jawatankuasa yang mengelola Kumpulan Wang ini berhak untuk menolak pengeluaran sekiranya terdapat keraguan serta tidak mematuhi Aturan 6.

### **PELABURAN**

- 12. Lembaga boleh menggunakan semua atau sebahagian daripada wang Kumpulan wang ini untuk tujuan pelaburan.
- 13. Lembaga berkuasa memindah sebahagian atau semua wang Kumpulan Wang ini ke dalam akaun pembahagian keuntungan koperasi ini.

## **TAHUN KEWANGAN**

14. Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan koperasi ini.

## **AUDIT**

15. Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun koperasi ini.

## **PENGGANTUNGAN/PEMBUBARAN KUMPULAN WANG INI**

16. Jika keadaan atau kedudukan kewangan Kumpulan wang ini tidak mengizinkan lagi operasinya diteruskan, Lembaga berkuasa menggantung perjalanan Kumpulan Wang ini sehingga keadaan atau kedudukan kewangannya pulih atau membubarkannya sama sekali.

## **PERTIKAIAN**

17. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut Undang-undang kecil 81, koperasi ini.

## **PINDAAN-PINDAAN**

18. (a) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (b) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

.....  
(Dato' Hj Mat Rejab b Kassim)  
Pengerusi

.....  
(Hj Mohamad Ibrahim b Abdul Wahab)  
Anggota Lembaga

.....  
(Hj Munir b Badrul Jamil)  
Anggota Lembaga